



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2014

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI KHAMIS : 20 MAC 2014

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 9 HINGGA 77)

SOALAN NO. 2 JAWAB BERSEKALI AHLI PARLIMEN BAGAN PADA 7/4

SOALAN NO. 77 JAWAB BERSEKALI NO. 3. SEPITANG PADA 12/3

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM @NYALLAU ANAK BADAK
[LUBOK ANTU]

TARIKH : 20 MAC 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

TUAN WILLIAM @NYALLAU ANAK BADAK [LUBOK ANTU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kedudukan penyampaian perkhidmatan awam, setelah Malaysia melancarkan projek mega 1MOCC, berbanding negara-negara yang jauh lebih lewat membuat pelaburan dalam teknologi ICT.

JAWAPAN: YB DATUK JOSEPH ENTULU ANAK BELAUN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pusat Panggilan 1Malaysia (1Malaysia *One Call Center* atau 1MOCC) telah dilancarkan secara rasminya oleh YAB Perdana

Menteri pada 12 November 2012. Sejak 1MOCC dilancarkan hingga 28 Februari 2014, sebanyak 1,671,673 transaksi telah diterima melalui pelbagai saluran. Dalam tempoh tersebut, 99.99% peratus transaksi telah diselesaikan.

Melalui pelaksanaan 1MOCC ini, penyampaian perkhidmatan awam telah ditambah baik di mana rakyat tidak perlu lagi mengingati pelbagai nombor telefon agensi-agensi Kerajaan. Selain itu, orang ramai juga dapat membuat pertanyaan, aduan, cadangan dan maklum balas dengan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam masa 24 jam setiap hari, termasuk pada hujung minggu dan cuti umum.

Inovasi yang diperkenalkan menerusi projek ini telah diiktiraf di peringkat Asia, di mana 1MOCC telah menerima anugerah "*Service Innovation*" semasa majlis *The FutureGov Awards 2013* pada 5 Mac 2013. Selain daripada itu, 1MOCC turut mendapat tempat Kedua "*Best Government Contact Center 2013*" oleh *Contact Centre Association of Malaysia (CCAM)* pada 12 Oktober 2013.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 20 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah alasan tidak menerapkan pemegang biasiswa JPA ke dalam perkhidmatan awam. Adakah mereka dikenakan apa-apa tindakan mengikut kontrak yang ditandatangani, jika gagal menyertai perkhidmatan awam. Berapa kes yang dikenakan tindakan ke atas pemegang biasiswa dari 2004 hingga 2013.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara dasarnya semua pemegang biasiswa JPA terikat dengan kontrak Perjanjian Biasiswa Persekutuan. Mereka perlu berkhidmat dengan Kerajaan, tertakluk kepada perjanjian yang ditandatangani dan syarat lantikan oleh Pihak Berkuasa Melantik. Pemegang biasiswa JPA yang telah tamat pengajian dikehendaki untuk melapor diri dan seterusnya berusaha mendapatkan tempat dalam perkhidmatan awam dalam tempoh dua belas (12) bulan seperti mana yang dinyatakan di dalam Perjanjian Biasiswa Persekutuan.

Pemegang biasiswa JPA yang telah berusaha untuk memasuki perkhidmatan awam tetapi tidak berjaya mendapat tempat dan tidak ditawarkan sebarang jawatan oleh Kerajaan selepas tempoh dua belas (12) bulan, mereka adalah bebas untuk berkhidmat di mana-mana agensi termasuk syarikat atau agensi swasta.

Pemegang biasiswa JPA dikehendaki berkhidmat dengan Kerajaan atau mana-mana badan lain yang diarah atau dipersetujui oleh Kerajaan, dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada tarikh pelajar melapor diri kepada JPA atau tarikh memohon pekerjaan dengan Pihak Berkuasa Melantik, yang mana terkemudian.

Mereka juga boleh dikehendaki berkhidmat dengan Kerajaan atau Kerajaan Negeri atau badan lain sebagaimana yang diarah atau

dipersetujui oleh Kerajaan dan terus berkhidmat bagi satu tempoh dan/atau mengikut ketetapan yang telah dinyatakan di dalam perjanjian.

Bagi penajaan tahun 2004 hingga 2013, seramai 92 orang pemegang biasiswa JPA dikenakan tuntutan ganti rugi kerana telah melanggar kontrak perjanjian yang ditandatangani bersama antara pelajar dan penjamin-penjamin dengan pihak Kerajaan.

Sekian. Terima Kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20 MAC 2014 (KHAMIS)

DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU
MANSUR
[SILAM]

SOALAN :-

Y.B. DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU MANSUR [SILAM] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam membina rumah mampu milik untuk rakyat di Parlimen Silam. Memandangkan kawasan Parlimen Silam terlalu banyak rumah setinggan dan tidak tersusun yang menjejaskan taraf hidup rakyat. Adakah Kementerian akan mengutamakan dan memberi bantuan kepada rakyat yang masih tinggal di rumah setinggan ini untuk mendapatkan rumah mampu milik.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Perumahan Rakyat (PPR) merupakan program Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam usaha menempatkan semula setinggan dan memenuhi keperluan tempat kediaman bagi golongan isi rumah berpendapatan bawah RM2,500.

Sehingga kini, terdapat 1 projek PPR yang sedang dalam pembinaan di kawasan Parlimen Silam dengan jumlah unit sebanyak 400 unit. Projek ini dijadualkan siap pada awal tahun 2015. Manakala satu lagi projek PPR yang akan memberi kemudahan kepada 500 isi rumah di Lahad Datu telah diluluskan pada tahun ini. Projek-projek ini akan diagihkan kepada golongan setinggan dan yang berpendapatan rendah di kawasan Parlimen Silam.

Kerajaan tiada halangan dalam menyediakan perumahan di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) bagi usaha menempatkan semula

golongan setingan. Ini adalah kerana projek PPR sememangnya bertujuan untuk menempatkan penduduk setingan dan mereka yang berpendapatan rendah dalam suasana perumahan yang lebih selesa dan kondusif dalam usaha meningkatkan taraf hidup rakyat.

Dalam usaha untuk mencapai hasrat ini, Kerajaan Negeri harus memainkan peranan bersama dengan menyediakan saiz tanah yang secukupnya di kawasan bersesuaian yang dikenalpasti berasaskan jumlah keluarga yang hendak dipindahkan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2014

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]**
TARIKH : **20.03.2014**
SOALAN :

Y.B. Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sebenar keperluan guru di peringkat sekolah mengikut subjek bagi tahun 2015.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2015, keperluan guru Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi sekolah rendah diunjurkan seramai 244,085 guru dan 184,711 guru di sekolah menengah KPM. Namun begitu, jumlah keperluan guru sebenar adalah tertakluk kepada kelulusan Anggaran Belanja Mengurus (Perjawatan) tahun 2015 yang akan diluluskan oleh agensi pusat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan keperluan guru disediakan agar penawaran guru yang mengisi jawatan seimbang adalah dengan keperluan guru bagi tahun berkenaan. Oleh hal demikian, sebarang perubahan dasar mahupun program pendidikan baharu akan mengubah komposisi keperluan guru mengikut subjek.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK CHUA TEE YONG
[LABIS]
TARIKH : 20.03.2014 (KHAMIS)

DATUK CHUA TEE YONG [LABIS] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan keberkesanan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dalam mengatasi masalah pencatutan dalam masyarakat serta berapa banyak kes telah ditangkap dan didakwa dalam mahkamah malah apakah definisi pencatutan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Menurut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, **mencatut bermaksud membuat keuntungan tinggi yang tidak munasabah.**

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 1.96 juta pemeriksaan telah dijalankan di seluruh Negara di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Dari jumlah ini, sebanyak 2,926 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan sebanyak RM818,941 dan nilai kompaun sebanyak RM 303,341.

Bagi tahun 2014 pula, sehingga 28 Februari, sebanyak 254,407 pemeriksaan telah dijalankan di seluruh Negara menghasilkan 1,510 kes dengan nilai rampasan sebanyak RM249,557 dan nilai kompaun sebanyak RM 123,785.

Daripada keseluruhan jumlah pemeriksaan yang menghampiri 2 juta, jumlah kes yang dihasilkan ialah sebanyak 4,436 kes. Ini menunjukkan bahawa hanya segelintir peniaga sahaja yang tidak mematuhi undang-undang.

Pada 16 Februari 2014, satu kes telah didakwa di Mahkamah Sesyen Kota Bharu atas kesalahan gagal meletakkan tanda harga dimana peniaga berkenaan telah disabit kesalahan dan didenda sebanyak RM8,000.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Tuan Zairil Khir Johari
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 20.03.2014 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 14

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan menyenaraikan semua penempatan Orang Asli di Semenanjung Malaysia yang masih tidak mempunyai sekolah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman dewan yang mulia, berdasarkan rekod Jabatan Kemajuan Orang Asli sebanyak 93 buah sekolah rendah terletak di perkampungan Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia. Jumlah ini adalah kecil berbanding dengan 853 buah kampung Orang Asli di seluruh Malaysia. Dari pemerhatian jabatan bilangan ini masih tidak mencukupi memandangkan usaha kerajaan ke arah mengurangkan kadar keciciran di kalangan pelajar Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat, keciciran pelajar Orang Asli terbahagi kepada tiga iaitu:-

- i) keciciran di peringkat sekolah rendah iaitu dari Darjah 1 hingga Darjah 6 (tidak menamatkan tempoh pelajaran sepenuhnya);
- ii) keciciran dari sekolah rendah ke sekolah menengah iaitu dari Darjah 6 ke Tingkatan 1; dan

- iii) keciciran di peringkat sekolah menengah (tidak menamatkan pelajaran sepenuhnya hingga Tingkatan 5).

Sehingga Februari 2014, secara keseluruhannya tiada keciciran dicatatkan bagi pelajar Orang Asli yang menamatkan persekolahan hingga ke Darjah 6. Peratus keciciran pelajar Orang Asli yang menamatkan Darjah 6 tetapi tidak menyambung ke Tingkat 1 adalah 23.48% (mewakili 1,056 pelajar). Walaubagaimanapun, peratus keciciran pelajar Orang Asli peringkat sekolah menengah yang tidak menamatkan pendidikan hingga Tingkatan 5 adalah masih tinggi iaitu 41.99% (mewakili 1,357 pelajar).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM
[JULAU]

TARIKH : 20 MAC 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau] minta PERDANA MENTERI menyatakan impak 1Malaysia Training Centre (1MTC) kepada Kerajaan dan sejauh mana penggunaan 1MTC oleh agensi-agensi Kerajaan dan rakyat.

JAWAPAN: YB DATUK JOSEPH ENTULU ANAK BELAUN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Pusat Latihan 1Malaysia atau 1Malaysia Training Centre (1MTC) adalah satu inisiatif yang diperkenalkan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau National Blue Ocean Strategy (NBOS). Projek ini dilaksanakan melalui kolaborasi strategik antara semua Institut Latihan Awam di bawah Kementerian dan

agensi-agensi awam. Kolaborasi ini membolehkan penggunaan fasiliti sedia ada di institut latihan awam dikongsi secara menyeluruh dan penggunaannya dapat dioptimakan oleh pelbagai pihak.

Portal 1MTC telah dibangunkan sebagai gerbang (gateway) elektronik bagi memudahkan agensi Kerajaan, orang awam dan pihak-pihak swasta mendapatkan maklumat, serta membuat tempahan fasiliti dan kursus yang ditawarkan di Institut Latihan Awam.

Sehingga 3 Mac 2014, seramai 203,951 pelawat telah melayari portal 1MTC, dan seramai 6,052 orang telah mendaftar sebagai pengguna. Sejumlah 2,414 jenis fasiliti telah didaftarkan untuk tempahan.

Sehingga 3 Mac 2014 juga, sebanyak 6,083 transaksi tempahan pelbagai fasiliti oleh pelbagai kategori pengguna yang terdiri daripada Agensi Kerajaan, Badan Berkanun, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Persendirian dan Swasta telah dilaksanakan melalui Portal ini. Transaksi tersebut merangkumi permintaan tempahan terhadap 18,191 fasiliti, di mana sebanyak 5,454 fasiliti yang telah dapat diluluskan.

Projek 1MTC telah memberi impak yang besar kepada Kerajaan dan rakyat, di mana :-

- i. Penyeragaman Kadar Sewa Kemudahan Untuk Institusi-Institusi Latihan Awam Di Malaysia seperti dinyatakan dalam Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 18 Mac 2013 di mana semua Institusi Latihan Awam tidak mengenakan bayaran kepada Agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang ingin menggunakan kemudahan mereka;

- ii. Mengurangkan perbelanjaan Sektor Awam seperti dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2014 - Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam;
- iii. Projek 1MTC memberi peluang kepada orang ramai dan pihak swasta menggunakan fasiliti yang telah dibina oleh Kerajaan, dan ini membolehkan Institut Latihan Awam digunakan secara optima;
- iv. Melalui portal 1MTC, orang ramai dapat mengetahui dengan lebih cepat dan tepat maklumat fasiliti dan kursus yang ditawarkan oleh Institut Latihan Awam dan seterusnya membuat tempahan;
- v. Dengan adanya satu repositori yang mengumpulkan semua maklumat berkenaan kursus dan fasiliti yang ada di Institut Latihan Awam dapat membantu Kerajaan dalam membuat keputusan strategik berkaitan Institut Latihan Awam; dan
- vi. Agensi-agensi Kerajaan mendapat penjimatan dengan penggunaan kemudahan di Institut Latihan Awam berbanding swasta. Ini sekaligus dapat mengoptimalkan perkongsian sumber dan kemudahan yang ada di semua Institut Latihan Awam.

Akhir sekali, Kerajaan menyeru supaya orang ramai menggunakan Portal 1MTC sebagai pusat setempat maklumat carian, dan tempahan fasiliti serta kursus yang berkesan. Dalam masa yang sama, projek perkongsian sumber ini akan dimanfaatkan sepenuhnya bagi

mengoptimalkan penggunaan fasiliti-fasiliti yang telah dibangunkan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR
DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH JAWAPAN : 20 MAC 2014 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 16

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan pecahan jumlah kuasa elektrik (dalam Megawatt) yang dijanakan pada tahun 2013 di Malaysia daripada tiap sumber penjanaan iaitu arang batu, minyak, gas, kuasa hidro, solar, biogas, angin dan sebagainya. Apakah anggaran pelepasan karbon dioksida untuk menjanakan 1 megawatt kuasa elektrik daripada tiap sumber penjanaan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pecahan jumlah kuasa elektrik (dalam Megawatt) yang dijanakan pada tahun 2013 di Malaysia daripada setiap sumber penjanaian iaitu arang batu, minyak, gas, kuasa hidro, solar dan biogas adalah seperti berikut:-

- i. Penjanaian Elektrik daripada sumber konvensional di Malaysia

Sumber Penjanaian	Semenanjung Malaysia (MW)	Sabah (MW)	Sarawak (MW)	Jumlah Kapasiti (MW)
Gas	12,572	641	585	13,798
Arang Batu	7,170	-	480	7,650
Hidro	1,911	77.1	1,294	3,282.1
Diesel	-	481.1	75	556.1
<i>Medium Fuel Oil (MFO)</i>	-	101.9	-	101.9
Jumlah	21,653	1,301.1	2,434	25,388.1

ii. Pecahan Penjanaan Elektrik melalui sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) di Malaysia adalah seperti berikut:-

Sumber Penjanaan Tenaga Boleh Baharu (TBB)	Semenanjung Malaysia/Sabah (MW)	Jumlah Kapasiti (MW)
Solar PV	85.36	85.36
Biomass	50.40	50.40
Hidrokuasa kecil	15.7	15.7
Biogas	11.73	11.73

2. Berdasarkan laporan kajian “Study on Grid Connected Electricity Baselines in Malaysia” bagi tahun 2012, adalah dianggarkan pelepasan karbon dioksida untuk menjana 1 Megawatt jam tenaga elektrik mengikut kawasan adalah seperti berikut:

Kawasan	Tahun 2012
Semenanjung Malaysia	0.741 tan CO ₂ /MWh
Sarawak	0.872 tan CO ₂ /MWh
Sabah	0.546 tan CO ₂ /MWh

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI**
(BENTONG)

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **20.03.2014**

Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI [BENTONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan bahawa Program Rasionalisasi Subsidi oleh Kerajaan tidak akan membebankan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan akan terus melaksanakan langkah pembaharuan fiskal (*fiscal reform*) termasuk rasionalisasi subsidi untuk meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan pengagihan sumber kewangan Kerajaan. Langkah ini

perlu bagi mengukuhkan kedudukan kewangan dan memastikan sasaran defisit fiskal pada paras 3.5% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun ini, 3% pada 2015 dan bajet berimbang (*balanced budget*) pada 2020 tercapai. Komitmen tersebut adalah bagi memastikan paras hutang sentiasa tidak melebihi 55% daripada KDNK dan kemampuan fiskal jangka panjang negara. Pada masa kini, kebanyakan negara telah mengambil langkah-langkah drastik untuk mengurangkan defisit fiskal mereka, namun Malaysia mengambil pendekatan secara beransur-ansur (*gradualism*) bagi menyokong pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan pada masa yang sama mengekalkan kesejahteraan rakyat.

Langkah rasionalisasi subsidi telah dilaksanakan dengan berhati-hati bagi memastikan kesan yang minimum dan tidak membebankan rakyat, terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah. Rasionalisasi subsidi dilaksanakan dengan mengalih secara berperingkat kaedah pemberian subsidi secara pukal yang membawa banyak ketirisan, kepada subsidi yang lebih bersasar. Di samping itu, pelaksanaan rasionalisasi subsidi akan mengambil kira pelbagai aspek termasuk kadar inflasi, kos sara hidup dan kedudukan ekonomi global semasa serta mekanisme

sasaran (*targeting mechanism*). Aspek tersebut juga menjadi asas pertimbangan bagi Jawatankuasa Dasar Fiskal (FPC), yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, dalam membuat keputusan mengenai pelaksanaan rasionalisasi subsidi.

Tuan Yang di-Pertua,

Penjimatan daripada rasionalisasi subsidi secara tidak langsung akan dipulangkan kembali kepada rakyat terutama golongan bersasar supaya kesan kenaikan kos sara hidup dapat diimbangi. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membantu meringankan beban golongan mudah terjejas dalam menangani peningkatan kos sara hidup adalah seperti berikut:

- ^ Meningkatkan dan meluaskan pemberian BR1M kepada isi rumah berpendapatan RM4,000 sebulan dan ke bawah serta individu bujang berpendapatan RM2,000 dan ke bawah;
- ^ Memperkenalkan i-BR1M bagi memberi perlindungan maksimum sehingga RM30,000 kepada penerima isi rumah BR1M sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal akibat kemalangan;

- ^ Memberi bantuan persekolahan RM100 kepada setiap pelajar tanpa mengira pendapatan keluarga;
- ^ Memberi bantuan persekolahan murid sekolah dalam bentuk pemansuhan yuran persekolahan, bantuan makanan dan pinjaman buku teks serta insurans bas sekolah;
- ^ Memberi bantuan yuran taska sebanyak RM250 sebulan kepada keluarga berpendapatan rendah;
- ^ Meneruskan Program Baucar Buku 1Malaysia bernilai RM250 setiap pelajar institut pengajian tinggi bagi membantu mengurangkan kos pembelian buku dan peralatan pembelajaran;
- ^ Membuka lebih banyak pasar tani, pasar ikan, gerai buah, Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) serta jualan terus dari kilang bagi memastikan harga yang berpatutan untuk produk makanan dan keperluan asas;
- ^ Melaksanakan program penyeragaman harga di Sabah dan Sarawak di mana Kerajaan memberi bantuan dari segi kos penghantaran dan pengagihan;
- ^ Meneruskan subsidi, insentif dan bantuan lain seperti subsidi pertanian, pesawah, nelayan, pendidikan, kesihatan dan pengangkutan dengan peruntukan sebanyak RM46.7 billion pada 2013 (2014: 39.4 bilion);
- ^ Menyediakan pelbagai bantuan secara tidak langsung dalam bentuk perkhidmatan sosial dengan bayaran yang minimum atau percuma.
Contohnya, rawatan perubatan di klinik dan hospital Kerajaan, pendidikan di

sekolah rendah, menengah dan di institusi pengajian tinggi awam serta biasiswa dan pinjaman pelajaran;

Membina rumah mampu milik bagi golongan miskin, berpendapatan rendah dan sederhana di seluruh negara di bawah Jabatan Perumahan Negara (Program Perumahan Rakyat, Program Perumahan Rakyat Disewa dan Perumahan Rakyat Bersepadu), Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB); dan

- ^ Memperkenalkan Skim Perumahan Mampu Milik Swasta atau MyHome yang menawarkan subsidi RM30 ribu seunit kepada pemaju swasta untuk membina rumah kos rendah dan sederhana.
- ^ Memberi pelepasan cukai khas sebanyak RM2,000 ke atas pendapatan tahun 2013 yang akan memberi penjimatan bayaran cukai sehingga RM480.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Menangani

Kos Sara Hidup Rakyat yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Jawatankuasa tersebut bertindak sebagai jawatankuasa pusat untuk menangani isu-isu kenaikan kos sara hidup rakyat dan harga barangan secara bersepadu.

Pada tahun 2015, satu jaringan keselamatan sosial (*social safety net*) yang lebih menyeluruh akan diperkenalkan. Sehubungan dengan itu, Unit Perancang Ekonomi (EPU) sedang menjalankan kajian bagi mewujudkan sistem jaringan keselamatan sosial tersebut. Bagi tujuan ini, Kerajaan akan mewujudkan satu sistem pangkalan data yang komprehensif, termasuk mengintegrasikan data e-Kasih, data penerima bantuan kebajikan dan penerima BR1M bagi memastikan tiada pertindihan dan keciciran pemberian bantuan kepada golongan sasaran.

Tuan Yang di-Pertua,

Rasionalisasi subsidi bukanlah satu-satunya langkah bagi mengukuhkan kedudukan fiskal negara. Sebagai langkah awal, Kerajaan telah melaksanakan 11 langkah penjimatan bagi memastikan perbelanjaan yang

lebih berhemat. Kesemua langkah ini dilaksanakan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2014 – “Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam” berkuatkuasa mulai 2 Januari 2014. Anggaran penjimatan perbelanjaan daripada 11 langkah tersebut adalah sebanyak RM400 juta bagi tahun 2014. Kerajaan juga telah menetapkan bahawa pengauditan ke atas projek yang melebihi RM100 juta dilakukan semasa pelaksanaan projek bagi meningkatkan kecekapan perbelanjaan, terutamanya bagi projek yang berimpak tinggi.

Selain itu, bagi memastikan pembelian barangan dan perkhidmatan adalah berdasarkan nilai wang setimpal (*value for money*), Kerajaan telah mengetatkan prosedur perolehan Kerajaan dengan melaksanakan langkah-langkah berikut:

- i. Mengurangkan *threshold* bagi pembelian terus dari RM50,000 kepada RM20,000 bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan; dan
- ii. Mengurangkan siling bagi pembelian yang menggunakan Jadual Kadar (*Schedule of Rates*) daripada RM100,000 kepada RM50,000 bagi perolehan kerja.

Langkah ini dilaksanakan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2014 - "Langkah Penjimatan Dalam Perolehan Kerajaan: Had Nilai Pembelian Terus Bagi Bekalan & Perkhidmatan dan Had Nilai Kerja-Kerja *Requisition*" berkuatkuasa mulai 18 Februari 2014. Anggaran penjimatan perbelanjaan daripada langkah tersebut adalah sebanyak RM320 juta bagi tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah-langkah yang telah dinyatakan tersebut jelas menunjukkan bahawa Kerajaan sentiasa perihatin terhadap kesejahteraan rakyat walaupun dalam melaksanakan langkah mengukuhkan kedudukan fiskal negara. Semua langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah bagi memastikan negara mencapai status negara maju berpendapatan tinggi dengan rakyat dapat menikmati kualiti hidup yang lebih baik.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Dr. Ong Kian Ming [Serdang]**
TARIKH : **20.03.2014**
SOALAN :

Y.B. Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini SRJK (C) Kajang 2 yang telah dijanjikan oleh Kerajaan sejak tahun 2008 dan juga status terkini SRJK (C) Bandar Sungai Long.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah bersetuju memajukan tapak SK Sungai Long bagi tujuan pembinaan SJKC Sungai Long dan tapak SK Kajang Utama (2) bagi tujuan pembinaan SJKC Kajang Utama. KPM telah meluluskan peruntukan bagi pembinaan SJKC Kajang Utama dan SJKC Sungai Long masing-masing berjumlah RM4.5 juta pada tahun 2012 kepada Lembaga Pengelola Sekolah (LPS).

SJKC Kajang Utama masih dalam proses pengambilan tanah daripada pihak kerajaan Negeri Selangor. Manakala bagi SJKC Sg. Long yang telah dibina oleh LPS, status fizikal yang dicerap adalah 87 peratus.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. . Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]
TARIKH : 20.03.2014
SOALAN :

Y.B. Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah transformasi pengajian tinggi dilakukan dan bagaimana ranking universiti dapat diperbaiki. Apakah rasional pengambilan peringkat ijazah pertama dikurangkan bagi semua universiti penyelidikan dan ranking di peringkat antarabangsa kian menjunam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil langkah terancang dan ke hadapan dalam perancangan strategik dengan penggubalan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) sebagai pelan transformasi pengajian tinggi yang mengambil kira cabaran semasa dan masa hadapan dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang sama ada pada peringkat negara, serantau mahupun sejagat. Pelaksanaan PSPTN meliputi empat (4) fasa dan sekarang ini berada pada Fasa 2, iaitu Fasa Peningkatan dan Pemerksaan (2011 – 2015).

Dalam usaha memperkasakan institusi pengajian tinggi (IPT), Kementerian telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti *Accelerated Programme for Excellence* (APEX). USM telah dipilih untuk menerajui inisiatif ini dan misi utamanya adalah untuk menjadi universiti perintis, intensif penyelidikan rentas bidang yang

memperkasakan bakat masa hadapan dan mengupayakan golongan terkebahwa demi mentransformasikan kesejahteraan sosioekonomi mereka. Hasil program ini, Universiti Sains Malaysia (USM) telah berjaya meningkatkan kedudukannya dari tangga 63 pada tahun 2012 ke tangga 61 pada tahun 2013 dalam *QS University Ranking Asia*.

Bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan dan penyampaian pembelajaran dan pengajaran, IPT telah diperkenalkan dengan sistem penarafan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), iaitu Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) dan Sistem Penarafan Disiplin Pengajian (D-SETARA), di mana universiti-universiti tempatan akan dinilai dan diberikan penarafan mengikut *Tier 1* (sangat lemah) kepada *Tier 6* (sangat cemerlang). Pada SETARA 2011, daripada 52 buah universiti dan kolej universiti yang telah mengambil bahagian dalam Sistem Penarafan ini, 35 institusi telah berjaya mendapat *Tier 5* (cemerlang), 16 institusi pada *Tier 4* (sangat baik) dan hanya sebuah institusi pada *Tier 3* (baik). Penarafan sebegini akan dapat membantu institusi untuk terus meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran mereka.

Faktor impak kumulatif dalam jurnal berindeks pula mencatatkan peningkatan yang sangat besar, iaitu sebanyak 464 peratus dari tahun 2010 (2,454) ke tahun 2012 (13,840). Faktor impak merupakan satu indikator kualiti sesuatu jurnal yang dirujuk oleh penyelidik. Jika sesuatu jurnal itu mempunyai faktor impak yang tinggi ia merupakan satu indikator bahawa artikel yang diterbitkan di dalamnya banyak dipetik (*cited*) oleh penyelidik lain.

Salah satu inisiatif ke arah memperkasakan IPT ialah pemberian status autonomi kepada IPTA dan sehingga kini sebanyak tujuh (7) buah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) telah diberikan autonomi. Empat (4) bidang yang diberikan autonomi ini ialah Governan Institusi, Sumber Manusia, Kewangan dan Penjanaaan Kekayaan serta Akademik dan Kemasukan Pelajar. Melalui pemberian autonomi ini, IPTA akan mempunyai lebih daya saing dan mampu

untuk bergerak lebih jauh dalam menentukan pencapaian institusi masing-masing.

Bagi menggiatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan di IPT, lima (5) Universiti Penyelidikan (Research University, RU) diwujudkan setakat ini, iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Nisbah pengambilan pelajar peringkat ijazah kepada pelajar peringkat pascaijazah ditetapkan kepada 50:50 bagi memberi ruang para penyelidik menumpukan perhatian kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan di samping menjalinkan kolaborasi strategik dengan rakan sejawat di luar negara. Di samping itu, RU juga memberikan sokongan dan galakan kepada aktiviti pelajar dalam bidang reka cipta dengan mempergiat program dan kursus berbentuk kreativiti bagi memupuk budaya penyelidikan dan inovasi di IPT.

Berdasarkan laporan 2013 *QS University Ranking Asia*, kesemua lima (5) RU telah mendapat kedudukan 100 universiti terbaik di Asia. Dalam senarai *QS World University Rankings 2014 by Subject*, lapan (8) buah IPT tempatan, iaitu USM, UM, UPM, UTM, UKM, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Universiti Multimedia (MMU) telah berjaya memenuhi kriteria standard antarabangsa menerusi penilaian 30 bidang pengajian dan seterusnya melakarkan kedudukan dalam 200 senarai terbaik dunia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
[PENGKALAN CHEPA]
TARIKH : 20 MAC 2014
SOALAN :

YB Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah cadangan untuk membina Klinik Kesihatan Penambang, Kota Bharu yang telah dijanjikan oleh pihak Kerajaan sejak Rancangan Malaysia Kesembilan, Kos projek dianggarkan RM3,503,535.85.

Tuan Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu izinkan saya memperbetulkan kenyataan yang diberikan oleh YB Pengkalan Chepa berkenaan kos projek bagi Klinik Kesihatan Penambang, Kota Bharu. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Kos sebenar projek ini adalah RM20 juta bukannya RM3,503,535.85.

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan projek pembinaan Klinik Kesihatan 3 Dengan Kuarters Penambang, Kota Bharu telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Ketiga (2013-2014) di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Pada masa ini, projek ini masih lagi di peringkat rekabentuk dan dijangka tender pada Ogos 2014.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 20 MAC 2014 (KHAMIS)
DARIPADA : Y.B. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN
[SIK]

SOALAN :-

Y.B. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah dan keluasan projek perumahan rakyat yang telah diwartakan untuk dibangunkan di seluruh negara dan setakat manakah perkembangan projek pembangunan ini sama ada yang berstatus sedang dimajukan atau dalam perancangan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Belanjawan 2014, Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan 16,473 unit di seluruh Negara. Pada masa kini, semua projek dalam pelbagai peringkat perancangan dan akan dimulakan pelaksanaannya pada tahun 2014.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2014

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' IR. HAJI NAWAWI AHMAD [LANGKAWI]**
TARIKH : **20 MAC 2014 (KHAMIS)**
SOALAN : **Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta**
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan apakah jenis-jenis bantuan yang telah diberikan oleh Kementerian bagi membantu meringankan bebanan kehidupan para nelayan.

JAWAPAN OLEH : **YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah menyediakan beberapa jenis bantuan kepada nelayan seperti berikut:

(i) Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan

Bermula 3 September 2013, nelayan yang menjalankan aktiviti penangkapan ikan di Zon A, B dan C membeli diesel dan petrol bersubsidi pada harga RM1.45 seliter. Manakala nelayan yang menjalankan aktiviti penangkapan ikan di Zon C2 membeli diesel bersubsidi pada harga RM2.00 seliter.

(ii) Elaun Sara Hidup Nelayan

Kadar pembayaran RM200 sebulan kepada pemegang lesen dan pekerja vesel warganegara Malaysia.

(iii) Insentif Hasil Tangkapan

Insentif Hasil Tangkapan diberi pada kadar RM0.10 sekilogram untuk vesel Zon A, B dan C serta RM0.20 sekilogram bagi vesel Zon C2.

(iv) Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN)

3 kategori bantuan di bawah PKPN adalah seperti berikut:

- a) Baik Pulih Rumah;
- b) Bina Baru Rumah; dan
- c) Penempatan Semula Nelayan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR]

TARIKH : 20 MAC 2014

RUJUKAN : 6525

SOALAN:

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasil siasatan polis mengenai dua laporan polis (Jitra/009674/13 dan Jitra/009236/13) yang dibuat mengenai kecederaan yang dialami Zul Hilmi Bin Abdul Rahman semasa dalam tahanan polis daripada 11 Disember 2013 sehingga 22 Disember 2013.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kedua-dua laporan polis berkenaan adalah berkaitan dengan siasatan di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan. Siasatan mendapati mangsa dikatakan dipukul semasa ditahan di lokap Ibu Pejabat Polis Daerah Kubang Pasu. Mangsa mendakwa ditampar dan dipukul di bahagian tapak kaki beberapa kali. Laporan perubatan daripada Hospital Jitra menyatakan 'Tiada Kesan Lebam Kelihatan'.

Kertas Siasatan akan dirujuk ke Timbalan Pendakwaraya setelah siasatan lengkap.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN
NAINA MERICAN [KEPALA BATAS]
TARIKH : 20.03.2014 (KHAMIS)

DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN [KEPALA BATAS] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk memperkenalkan konsep kad '*flybuys*' seperti yang diamalkan di Australia untuk meringankan beban rakyat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Konsep kad 'flybuys' sebagaimana dilaksanakan di Australia sebenarnya telah pun wujud di Malaysia dan diusahakan oleh sektor swasta. Konsep ini dilaksanakan melalui penebusan mata ganjaran daripada penggunaan kad-kad keahlian yang ditawarkan oleh stesen-stesen minyak seperti Petronas dan Shell serta gedung membeli belah seperti Tesco, AEON, AEON Big, dan Mydin. Selain itu, penggunaan kad *Bonuslink* dan kad kredit institusi perbankan turut menawarkan pemberian mata ganjaran.

Dalam membantu meringankan beban rakyat disebabkan oleh peningkatan kos sara hidup, **Kad Integrasi** yang terdiri daripada enam (6) jenis kad berlainan di bawah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau NBOS, diwujudkan untuk golongan seperti pelajar Institusi Pengajian Tinggi, pesara Kerajaan, bekas tentera, orang kurang upaya atau OKU, artis dan lain-lain untuk menikmati diskaun ke atas pembelian. Sehingga kini, sebanyak **3.5 juta kad** telah diedarkan dan mempunyai **2,178 rakan dagang** dengan penglibatan **3,014 outlet** yang menawarkan potongan harga ke atas pelbagai barangan dan perkhidmatan.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak **1.577 juta** Kad Diskaun Siswa 1 Malaysia atau **KADS1M** telah dikeluarkan di **875 buah** Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Sehingga 26 Februari 2014, KADS1M mempunyai **399 rakan dagang** dengan penglibatan **2,917 outlet**.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Tuan Teo Kok Seong
[RASAH]**

TARIKH : 20.03.2014 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 25

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan secara terperinci langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk membantu penduduk luar bandar yang miskin dan berpendapatan rendah untuk membaik pulih tempat kediaman mereka yang uzur serta kos yang terlibat sejak tahun 2000 sehingga tahun 2014.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sentiasa prihatin dalam memastikan golongan penduduk luar bandar yang miskin dan miskin tegar untuk menikmati kemudahan kediaman yang lebih selamat dan selesa di bawah Program Bantuan Rumah (PBR), Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR).

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan golongan sasaran ini menikmati bantuan yang diberikan, Kerajaan telah memperkukuh dan meningkatkan lagi sistem penyampaian melalui "**Focus Group**" **Pembasmian Kemiskinan** di peringkat nasional, negeri dan daerah yang berperanan dalam menyelia perancangan, pelaksanaan dan pemantauan PBR. Kriteria keluarga miskin dan miskin tegar yang layak adalah seperti berikut:

- i) Disahkan sebagai miskin tegar dan miskin serta berdaftar dalam bank Data Kemiskinan Nasional (eKasih); atau

- ii) Diperaku dan disahkan layak oleh "Focus Group" Pembasmian Kemiskinan Daerah (FGD); dan
- iii) Disahkan rumah sedia ada diperakui usang, daif atau tidak selamat untuk diduduki;

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) sehingga tahun 2014, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah diperuntukkan sejumlah **RM 971.17 juta** bagi membiayai pelaksanaan Projek Baik Pulih dan Bina Baru di bawah Program Bantuan Rumah (PBR).

Jadual 1: Peruntukan Program Bantuan Rumah bagi Tempoh Pelaksanaan RMKe-10

Tahun	Peruntukan (RM)	Projek		
		Bina baru (unit)	Baik Pulih (unit)	Jumlah (unit)
2011	300,000,000	5,307	9,058	14,365
2012	302,921,100	4,646	17,439	22,085
2013	189,250,000	2,817	8,201	11,018
2014	179,000,000	2,540	5,635	8,175
Jumlah	971,171,100	15,310	40,333	55,643

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 20 MAC 2014 (KHAMIS)
DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH
[JASIN]

SOALAN :-

Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah menangani penjanaan bahan buangan sampah yang semakin kritikal hari ini terutamanya di bandar-bandar besar.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kajian Komposisi Sisa Pepejal, Ciri-Ciri dan Amalan Kitar Semula Semasa di Malaysia tahun 2012 menunjukkan bahawa penjanaan sisa pepejal di bandar-bandar di Malaysia adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan penjanaan sisa pepejal di kawasan luar bandar. Secara puratanya setiap isi rumah di kawasan bandar menghasilkan 0.8kg sisa pepejal sehari berbanding 0.68kg sisa pepejal sehari di kawasan luar bandar.

Menjelang tahun 2020, sisa pepejal yang dihasilkan oleh penduduk Malaysia dianggarkan sebanyak 30,000 tan sehari. Walau bagaimanapun, pada tahun 2012, anggaran sampah yang dijana telah mencapai 33,000 tan sehari iaitu pencapaian tujuh (7) tahun lebih awal dari yang dijangkakan. Antara langkah-langkah yang diambil bagi menangani isu ini adalah seperti berikut:-

- (i) meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pengurangan sisa pepejal melalui 3R (*reduce, reuse, recycle*) dengan mengadakan kempen-kempen dan program-program pendidikan secara berterusan;
- (ii) melaksanakan sistem kutipan 2+1 dimana kutipan sisa baki (*residual waste*) yang merangkumi sisa makanan dibuat sebanyak 2 kali seminggu manakala kutipan barangan kitar semula, sisa pukal dan sisa kebun dibuat sekali seminggu;
- (iii) menambah infrastruktur atau kemudahan kitar semula bagi memudahkan masyarakat melaksanakan aktiviti kitar semula;
- (iv) mewajibkan para penduduk membuat pengisangan sisa pepejal dipunca menjelang 2015;
- (v) memperkenalkan sistem rawatan sisa pepejal seperti loji *waste to energy*, loji *anaerobic digester* dan sebagainya bagi mengurangkan kebergantungan negara terhadap tapak pelupusan sisa pepejal; dan

(vi) memperkenalkan konsep bank makanan dimana bahan makanan yang tidak digunakan atau makanan yang telah menghampiri tarikh luput dikumpulkan di satu pusat pengumpulan dan seterusnya diagihkan kepada golongan yang memerlukan. Dengan pelaksanaan langkah-langkah di atas, Kerajaan percaya penjanaaan sisa pepejal di Negara ini akan dapat ditangani seterusnya memberi kebaikan kepada masyarakat secara keseluruhannya.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2014

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGALKEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN JULIAN TAN KOK PING**
[STAMPIN]
TARIKH : **20 MAC 2014 (KHAMIS)**
SOALAN : **27**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jumlah peruntukan penyelidikan dari tahun 2008 sehingga sekarang. Senaraikan pengagihan peruntukan ini kepada IPTS dan IPTA.

JAWAPAN :

Tuan Yang di - Pertua,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi terlibat dalam mengendalikan dana-dana penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R,D&C) bermula pada Rancangan Malaysia Ke-7 dengan pengenalan program penyelidikan *Intensification of Research in Priority Area* (IRPA) dan *Industrial Grant Scheme* (IGS).

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (2006-2010), MOSTI telah mengendalikan sebanyak 16 jenis dana yang meliputi peringkat cetusan idea sehingga ke peringkat pengkomersilan di dalam bidang-bidang utama seperti bioteknologi, ICT, industri dan sains angkasa.

Peruntukan yang diluluskan bagi tempoh 2006 hingga 2010 ialah sebanyak RM3.87 bilion.

Bagi tahun 2008 sahaja, sejumlah 831 projek telah diluluskan dengan kos peruntukan sebanyak RM769.8 juta dan bagi tahun 2009, sejumlah RM684.6 juta telah digunakan untuk membiayai 651 projek. Manakala pada tahun 2010, sebanyak 163 projek telah dibiayai dengan peruntukan sebanyak RM149.9 juta.

Tuan Yang di - Pertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) 2011-2015, MOSTI telah diamanahkan untuk mengendalikan 6 jenis dana iaitu: Dana ScienceFund, Dana Pra Pengkomersilan (TechnoFund dan InnoFund), Geran Penyelidikan Nanoteknologi, *Commercialisation of R&D Fund* (CRDF), *Technology Acquisition Fund (TAF)* dan *Biotech Commercialization Funding (BCF)*.

Di bawah Dana Sains dan Dana Pra Pengkomersilan (TechnoFund dan InnoFund), sebanyak 289 projek telah diluluskan bagi tahun 2011 dengan kos projek sebanyak RM86.41 juta dan 498 projek telah diluluskan bagi tahun 2012 dengan kos projek sebanyak RM135.05 juta. Manakala sebanyak 374 projek telah diluluskan untuk tahun 2013 dengan kos projek sebanyak RM182.30 juta dan 28 buah projek telah diluluskan untuk tahun 2014 (sehingga 28 Februari 2014) dengan kos sebanyak RM7.08 juta.

Merujuk kepada soalan oleh YB Stampin, bermula dari tempoh 2008 sehingga 2014 sebanyak 1,216 projek bernilai RM270.0 juta telah diluluskan kepada kepada penyelidik-penyelidik di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan sebanyak 295 projek bernilai RM58.83 juta telah

diluluskan kepada penyelidik-penyelidik di Institusi Pengajian Tinggi Swasta.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN ANUAR ABD. MANAP [SEKIJANG]**
TARIKH : **20 MAC 2014 (KHAMIS)**
SOALAN : **Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan pusat Pembangunan Perniagaan Pertanian dan Makanan (Agri-BDC) ialah pusat sumber dan maklumat setempat yang diwujudkan oleh Kerajaan bagi menyokong dan membangunkan perniagaan dalam bidang pertanian dan makanan negara:-**
- (a) berapakah jumlah program yang dijalankan sejak 2010-2013 untuk membantu usahawan tani muda; dan
 - (b) apakah bentuk bantuan kewangan yang disediakan untuk usahawan tani muda ini.

JAWAPAN OLEH : **YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Program yang telah dijalankan oleh Unit Agropreneur Muda sejak ditubuhkan pada September 2013:
- i. Pendaftaran 876 peserta di dalam program pembangunan agropreneur muda MOA;
 - ii. 10 Program promosi dan roadshow bagi menarik minat generasi belia untuk menceburi bidang pertanian;
 - iii. 10 Program latihan dan khidmat nasihat dalam pelbagai bidang pertanian melibatkan 436 peserta; dan

- iv. Penyediaan 10 pakej keusahawanan mengikut sub sektor pertanian untuk diceburi oleh generasi belia, contohnya Ternakan Madu Lebah, Ternakan Madu Kelulut, Ternakan Ikan Air Tawar Dalam Sangkar dan lain-lain.

- b) Bantuan kewangan yang disediakan untuk pembangunan usahawan tani muda yang dilaksanakan oleh Jabatan dan Agensi di bawah MOA adalah pinjaman laluan mudah melalui AgroBank dan TEKUN Nasional.

Kelulusan pembiayaan oleh AgroBank untuk Agropreneur Muda ialah:

- i. Projek baru – sehingga RM50,000; dan
- ii. Projek sedia ada – sehingga RM300,000.

TEKUN Nasional juga membantu menyediakan dana pembiayaan untuk Agropreneur Muda bagi tujuan modal perniagaan sehingga RM100,000.

NO. SOALAN : 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

TARIKH : 20 MAC 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kos bahan api dan penyelenggaraan untuk pesawat-pesawat eksekutif Kerajaan bagi tahun 2013 dan jumlah penerbangan yang terlibat pada tempoh tersebut.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Purata kos bahan api bagi 6 buah pesawat eksekutif Kerajaan sepanjang tahun 2013 adalah sebanyak **RM2,130,889.00** Manakala purata kos penyelenggaraan pula adalah sebanyak **RM16,719,062.00** Jumlah keseluruhan bilangan penerbangan pesawat terlibat adalah **466** atas urusan rasmi Kerajaan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]

TARIKH : 20 Mac 2014 (Khamis)

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status dan perkembangan Program Transformasi Ekonomi atau ETP dalam mewujudkan pekerjaan bergaji tinggi serta menaikkan pendapatan rakyat dan negara.

JAWAPAN:

Program Transformasi Ekonomi (ETP) bertujuan untuk memacu ekonomi ke arah negara berpendapatan tinggi, merencanakan pelaburan swasta untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi, serta mencipta peluang pekerjaan bernilai tinggi. Jumlah projek permulaan atau "Entry Point Project (EPPs)" pada 31 Disember 2013 adalah **196** (lonjakan daripada 131 EPPs semasa ETP bermula pada tahun 2010), dengan jumlah pelaburan sebanyak **RM219.3 bilion** sehingga tahun 2020. Peluang pekerjaan sebanyak **437,816** sehingga tahun 2020 telah juga diwujudkan sehingga kini. PNK per kapita semakin meningkat daripada USD7,059 pada tahun 2009 kepada **USD10,060** pada tahun 2013, iaitu

pertumbuhan **42.52** peratus dalam tempoh tersebut. Berdasarkan unjuran pertumbuhan ini, dan sekiranya tidak berlaku gangguan di luar jangka, kita dapat melaporkan bahawa Malaysia bukan hanya akan mencapai sasaran status ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, malah kita mungkin boleh mencapai matlamat ini lebih awal daripada yang dirancang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]
TARIKH : 20.03.2014 (KHAMIS)

DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG] minta
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN
KEPENGUNAAN menyatakan:

- (a) Setakat mana Akta '*Price Control And Anti-Profiteering Act 2011*' (PCAPA) dapat mengawal kenaikan harga pencatutan (*profiteering*); dan
- (b) Berapa banyak kes dan dakwaan yang telah berjaya dibuat di bawah Akta tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Menurut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, **mencatut bermaksud membuat keuntungan tinggi yang tidak munasabah.**

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 1.96 juta pemeriksaan telah dijalankan di seluruh Negara di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Dari jumlah ini, sebanyak 2,926 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan sebanyak RM818,941 dan nilai kompaun sebanyak RM 303,341.

Bagi tahun 2014 pula, sehingga 28 Februari, sebanyak 254,407 pemeriksaan telah dijalankan di seluruh Negara menghasilkan 1,510 kes dengan nilai rampasan sebanyak RM249,557 dan nilai kompaun sebanyak RM 123,785.

Daripada keseluruhan jumlah pemeriksaan yang menghampiri 2 juta, jumlah kes yang dihasilkan ialah sebanyak 4,436 kes. Ini menunjukkan bahawa hanya segelintir peniaga sahaja yang tidak mematuhi undang-undang.

Pada 16 Februari 2014, satu kes telah didakwa di Mahkamah Sesyen Kota Bharu atas kesalahan gagal meletakkan tanda harga dimana peniaga berkenaan telah disabit kesalahan dan didenda sebanyak RM8,000.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIRIL
ANUAR BIN WAN AHMAD
[KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 20 MAC 2014

SOALAN :

YB. Dato' Ar. Wan Mohammad Khairil Anuar bin Wan Ahmad meminta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jemaah umrah sering kali ditipu oleh pihak agensi berdaftar mahupun yang tidak berdaftar dengan Kementerian. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi perkara ini supaya ianya tidak berleluasa khususnya dengan tawaran-tawaran harga murah dan sederhana di kalangan jemaah dari luar bandar.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi kes penipuan pakej umrah yang membabitkan **syarikat pengendalian pelancongan berlesen**, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sentiasa mengambil langkah-langkah dan tindakan tegas, termasuklah tindakan mengarahkan syarikat terlibat membayar pampasan, tindakan mengkompaun mengikut jenis kesalahan, pendakwaan di mahkamah atau pembatalan lesen. Di samping itu, Kementerian juga akan menasihatkan pihak pengadu supaya membawa kes tuntutan kepada pihak Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan jika mereka tidak berpuas hati dengan jumlah pampasan yang diterima daripada syarikat berkenaan.

Bagi kes melibatkan **syarikat tidak berlesen**, Kementerian ini boleh mengambil tindakan mengkompaun atau tindakan pendakwaan di mahkamah bagi kesalahan beroperasi tanpa lesen yang sah di bawah Seksyen 5(2) Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482]. Syarikat tidak berlesen apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50 ribu atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya. Kementerian juga memohon kerjasama dan bantuan pihak Polis Di Raja Malaysia untuk membuat siasatan lanjut terhadap kes-kes penipuan.

Di antara langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan untuk mengurangkan kes penipuan

pakej umrah adalah dengan mengadakan kerjasama erat dengan Jabatan-jabatan dan agensi kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Agama Islam Negeri, Polis Di Raja Malaysia dan Persatuan-persatuan Agensi Pelancongan dan Agensi Pengembaraan dalam meningkatkan kesedaran orang awam supaya menyemak terlebih dahulu senarai syarikat pengendalian pelancongan berlesen dengan Kementerian ini sebelum membeli pakej umrah dan membuat pengesahan sewajarnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2013 Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah menjalankan 15 siri kempen kesedaran di seluruh negara khusus bagi memberi penerangan berkaitan penipuan agensi umrah kepada orang ramai yang terdiri daripada para pegawai dari Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Agama Islam Negeri, Ahli Jawatankuasa Masjid dan Surau, Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan penduduk bandar serta luar bandar. Perkara utama yang disampaikan adalah berkaitan isu semasa berkaitan penipuan umrah, kategori penipuan, cara mengenali agensi pelancongan berlesen, pemilihan pakej Umrah yang berpatutan dan mengelak dari memilih tawaran pakej Umrah yang terlalu rendah, langkah-langkah pencegahan dan panduan umum kepada orang ramai di dalam memilih pakej umrah. Dalam hubungan ini, Kementerian juga telah mencetak risalah dan poster untuk memberi kesedaran awam mengenai langkah-langkah mengelakkan daripada penipuan pakej Umrah oleh syarikat yang tidak berlesen. Program kempen kesedaran akan dipertingkatkan dan dilaksanakan secara berterusan melalui hebahan media cetak dan

elektronik dengan kerjasama dengan Kementerian/Jabatan/Agensi yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 20 MAC 2014

SOALAN :

YB. Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan usaha pelancongan Islam dalam mempromosi budaya dan sejarah Islam di negara ini.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Parit Buntar, Islamic Tourism Centre (ITC) selaku agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia yang bertanggungjawab membangunkan sektor pelancongan Islam negara telah mengambil banyak inisiatif bagi mempromosikan budaya dan sejarah Islam di Malaysia sejak penubuhannya pada tahun 2009.

Antara usaha-usaha yang telah dan sedang giat dijalankan oleh ITC adalah seperti berikut:

1. Penerbitan Kompilasi Pakej-pakej Pelancongan Islam

ITC telah memainkan peranan dalam menerbitkan kompilasi pakej-pakej pelancongan Islam yang bersesuaian. Produk-produk untuk diketengahkan dipilih berdasarkan hubungkait setiap produk dengan warisan, sejarah atau kesenian Islam, juga cara hidup masyarakat Islam yang berbilang kaum seperti Cina-Muslim atau India-Muslim serta melambangkan keharmonian masyarakat Muslim dan bukan Muslim di Malaysia.

Antara produk-produk yang telah diketengahkan sebagai produk pelancongan Islam ialah masjid seperti Masjid Negara di Kuala Lumpur, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin di Putrajaya, Masjid Kapitan Keling di Pulau Pinang, Masjid Kampung Laut di Kelantan dan sebagainya.

Selain dari masjid, produk-produk lain yang turut dibawa adalah seperti Muzium Kesenian Islam Kuala Lumpur, Taman Tamadun Islam di Terengganu, pusat kesenian Islam seperti Yayasan Restu di Shah Alam, Homestay Kampung Darul Islam Belimbing di Sarawak, dan sebagainya.

Terdapat juga pakej-pakej eko-pelancongan yang mempromosikan produk pelancongan Islam serta sejarah Islam seperti Lembah Bujang di Kedah.

Acara-acara yang ada hubungkait dengan agama Islam seperti sambutan Maulidur Rasul, bulan Ramadhan, Hari Raya Puasa dan Hari Raya Korban turut dipakejkan bagi membolehkan pelancong-pelancong mengalami sendiri keunikan budaya masyarakat Islam di Malaysia.

Disamping itu acara seperti Tilawah Al Quran peringkat antarabangsa juga turut dipakejkan dan telah mendapat sambutan baik terutamanya pelancong Islam dari Negara ASEAN seperti Singapura, Indonesia, Brunei dan Thailand.

2. Kerjasama ITC Dengan Organisasi-organisasi Tempatan dan Luar Negara

ITC telah dan sedang menjalinkan kerjasama dengan beberapa organisasi tempatan dan luar negara kearah usaha bersama membangun dan mempromosikan produk-produk budaya dan sejarah Islam di Malaysia.

Antaranya, ITC adalah rakan kerjasama dengan Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Malaysia (JKKN) bagi penganjuran “Festival Ramadhan 2014”. Festival ini mengenengahkan budaya masyarakat Islam di Malaysia dalam menyambut bulan Ramadhan dengan aktiiviti-aktiviti seperti majlis berbuka puasa beramai-ramai dan juga solat tarawih berjemaah.

ITC juga baru-baru ini menganjurkan buat kali pertama “Joint Seminar on Islamic Tourism (JoSIT)” yang merupakan kerjasama dua hala antara Malaysia dan Indonesia. Program sebegini membawa peserta-peserta untuk mengenali dengan lebih dekat produk-produk pelancongan Islam Malaysia khususnya yang berunsurkan budaya dan sejarah melalui siri-siri lawatan teknikal .

Setakat ini, lebih dari 500 peserta yang mana lebih kurang 100 peserta dari luar negara yang menyertai pelbagai program dan aktiviti anjuran ITC sejak tahun 2011 telah dibawa melawat pelbagai produk pelancongan Islam ini.

Kebanyakan peserta yang mengikuti lawatan teknikal ini telah menyatakan bahawa Malaysia merupakan negara Islam yang unik dan mempunyai produk pelancongan Islam yang berpotensi besar. Malah ramai peserta telah menyatakan bahawa lawatan teknikal yang dianjurkan membawa banyak manfaat terutama sekali dari segi kefahaman mengenai Islam serta mengenali budaya dan sejarah masyarakat Islam di Malaysia.

3. Perhimpunan Bersama Penggiat-penggiat Industri

Bagi tujuan membolehkan produk-produk pelancongan Islam dipromosikan secara komprehensif, ITC telah mengadakan beberapa siri sesi perhimpunan dengan penggiat-penggiat industri pelancongan yang terdiri daripada pengusaha-pengusaha hotel, agensi-agensi pelancongan dan pengusaha-pengusaha produk pelancongan.

ITC menyediakan platform ini bagi membuka ruang dan peluang kepada pengusaha produk pelancongan menjalinkan rangkaian kerjasama dengan penggiat industri bagi mempromosikan perkhidmatan dan produk masing-masing seperti budaya dan sejarah Islam, program-program terkini seperti Festival Ramadan, dan Tilawah Al Quran. Pada sesi tersebut, Yayasan Restu, Muzium Kesenian Islam Malaysia, Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara, Universiti Islam Antarabangsa dan Cruise Tasik Putrajaya telah mengambil peluang memberi taklimat mengenai produk dan program masing-masing.

Perhimpunan sebegini adalah satu daripada usaha ITC bagi menyatukan penggiat-penggiat industri dengan pengusaha-pengusaha produk pelancongan demi menggalakkan kerjasama antara kedua belah pihak dalam usaha-usaha promosi serta penerbitan lebih banyak pakej-pakej pelancongan yang mampu menarik minat pelancong-pelancong ke Malaysia, baik yang Islam ataupun yang bukan Islam.

4. Penerbitan”Mosque Trails in Malaysia”

“Mosque Trails in Malaysia” adalah satu penerbitan ITC pada tahun 2013 yang merupakan kompilasi masjid-masjid yang paling sering dilawati di seluruh Malaysia. Kompilasi ini antara lainnya menceritakan sejarah-sejarah pembinaan masjid-masjid berserta gambar-gambar yang menarik dan dilengkapi dengan koordinasi GPS Google.

“Mosque Trails in Malaysia” telah diedarkan secara percuma kepada pelancong dan penggiat-penggiat industri setiap kali ITC menganjur atau mengambil bahagian di dalam program dan ekspo pelancongan baik di dalam mahupun di luar negara.

ITC mengambil kira kepentingan pengedaran maklumat melalui media sosial dan internet. Oleh yang demikian ITC telah mengambil langkah dengan melancarkan laman web ITC yang baharu. Laman web ini mengandungi maklumat-maklumat penting seperti direktori produk-produk pelancongan mesra Muslim di Malaysia, aplikasi waktu solat yang tepat, paparan keindahan senibina masjid-masjid utama di Malaysia dan panduan bermusafir khususnya untuk memberi maklumat bersesuaian kepada pelancong asing.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]**

TARIKH : 20 MAC 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Tony Pua Kiam Wee [PETALING JAYA UTARA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci syarat-syarat penswastaaan Pelabuhan Pulau Pinang termasuk pemilik syarikat baru, tarikh perjanjian, nilai dan struktur penswastaaan dan syarat-syarat lain utama. Adakah pihak swasta diwajibkan untuk mendalamkan Selat Pulau Pinang untuk membolehkan kapal yang lebih besar singgah di sana.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, syarikat Seaport Terminal (Johore) Sdn. Bhd. telah diperakukan sebagai pembida yang berjaya bagi cadangan penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang melalui pemilikan ekuiti di dalam Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) setelah cadangan syarikat, bersama-sama dengan 4 syarikat lain dinilai daripada aspek teknikal dan kewangan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Kewangan yang dianggotai oleh wakil-wakil kementerian dan agensi yang berkenaan. Perolehan ini telah dibuat secara tender terhad (*restricted tender* – dengan izin).

Tuan Yang di-Pertua,

Rundingan mengenai terma-terma perjanjian telah dimuktamadkan dan Perjanjian Tambahan (*Supplemental Agreement*) Penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang telah ditandatangani pada 23 November 2013 antara pihak Kerajaan yang diwakili oleh Kementerian Pengangkutan dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dengan pihak syarikat.

Antara obligasi syarikat adalah melaksanakan tanggungjawab sosialnya untuk menyediakan kemudahan pengangkutan feri yang memerlukan kos yang besar, di mana syarikat terpaksa menanggung kerugian kira-kira

RM16 juta pada setiap tahun. Selain itu, syarikat juga perlu mengambil alih beban hutang PPSB melebihi RM1.2 bilion, menanggung kos pelaksanaan kerja-kerja pengerukan utama (*capital dredging* – dengan izin) dari 11.5 meter kepada 14.5 meter dan membuat suntikan modal (*cash injection* – dengan izin) bagi menyokong pembangunan di pelabuhan berkenaan.

Setakat ini, syarikat telah membuat bayaran tunai kepada Kerajaan bagi pemilikan ekuiti di dalam PPSB pada 19 November 2013. Pada masa ini, proses *transfer of shares* (dengan izin) sedang dalam tindakan Kementerian Kewangan dan syarikat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN MASIR KUJAT [SRI AMAN]**

TARIKH : **20 MAC 2014 (KHAMIS)**

SOALAN : **35**

Tuan Masir Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam memastikan jurang digital (*digital gap*) di antara rakyat di bandar dan luar bandar agar semua inisiatif ICT yang diperkenalkan dapat dimanfaatkan hingga ke akar umbi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah dan sedang melaksanakan pelbagai langkah bagi merapatkan jurang digital serta meningkatkan penggunaan ICT dalam kehidupan seharian masyarakat terutama kawasan bandar dan luar bandar. Usaha-usaha ini telah dilaksanakan sejak tahun 2004 dan

dirancarkan lagi dengan pengumuman oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Mac 2010 mengenai beberapa inisiatif baharu di bawah Inisiatif Jalur Lebar Negara (*National Broadband Initiative - NBI*).

Antara projek-projek yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. **Pembinaan menara telekomunikasi** - 700 menara telah dibina dengan liputan selular telah mencapai 97% dan liputan jalur lebar telah mencapai 84% di kawasan berpenduduk di seluruh Negara setakat Februari 2014;
- ii. **Pemberian Komputer 1 Malaysia** - lebih daripada sejuta Komputer 1Malaysia telah diagihkan kepada pelajar yang kurang berkemampuan dan keluarga berpendapatan rendah di seluruh negara bagi meningkatkan penggunaan Internet;
- iii. **Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M)** – lebih 400 PI1M telah dibangunkan dan beroperasi di seluruh Negara setakat Februari 2014;
- iv. **Kampung Tanpa Wayar (KTW)** - lebih 4,000 KTW telah dibangunkan di seluruh negara setakat Februari 2014; dan
- v. Perkhidmatan telefoni di seluruh negara termasuk di kawasan-kawasan yang kurang berdaya maju dari segi komersial serta di kawasan yang tidak memberi keuntungan kepada syarikat-syarikat pengendali telekomunikasi.

NO. SOALAN : 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BAHRU]**

TARIKH : 20 MAC 2014

SOALAN :

YB. Dato' Takiyuddin Bin Hassan minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah program khas yang dirancang untuk diadakan di negeri Kelantan bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia 2014.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menyemarakkan lagi kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 di negeri Kelantan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah mempromosikan beberapa acara pelancongan di negeri Kelantan di dalam Kalendar Acara dan Festival Tahun Melawat Malaysia 2014. Di samping itu juga, bersempena dengan kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan menganjurkan empat acara berdasarkan empat konsep utama di peringkat negeri Kelantan yang berasaskan konsep Citrawarna, Citrarasa, Festival Muzium dan Festival Seni. Kempat-empat program acara ini akan menonjolkan keunikan budaya dan seni negara dalam bentuk festival dan akan mempamerkan budaya satu Malaysia, kepelbagaian makanan, seni serta sejarah Malaysia.

Antara acara-acara di negeri Kelantan yang dipromosikan sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 adalah:

- i. Karnival Seni Budaya Kelantan pada 4 hingga 7 April 2014;
- ii. Pesta Wau Antarabangsa Kelantan yang akan diadakan pada 28 hingga 31 Mei 2014; dan
- iii. *Kelantan International Rock Climbing Challenge* pada 14 hingga 15 Oktober 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menyemarakkan lagi sambutan Tahun Melawat Malaysia 2014 di negeri Kelantan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah menganjurkan sambutan VMY 2014 *Grand Reception* di pintu masuk utama negeri Kelantan. Sambutan tersebut telah diadakan di Kompleks CIQ Rantau Panjang dan di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa pada 1 Januari 2014 bagi menyambut kumpulan pelancong pertama yang mengunjungi negeri Kelantan sempena Tahun Melawat Malaysia 2014.

Selain daripada penganjuran acara-acara pelancongan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia telah melancarkan Cuti-Cuti 1Malaysia *1001 Packages* yang meliputi 1001 pakej pelancongan domestik yang ditawarkan kepada pelancong asing dan tempatan. Daripada 1001 pakej tersebut, sebanyak 58 pakej pelancongan adalah pakej yang ditawarkan oleh agensi-agensi pelancongan dari negeri Kelantan ke tempat-tempat menarik di seluruh negeri Kelantan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH [SETIU]**

TARIKH : 20 MAC 2014

SOALAN :

YB Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kementerian bagi meningkatkan kesihatan mental di kalangan rakyat negara ini dan apakah langkah Kementerian bagi menangani kesihatan mental di kalangan rakyat negara ini dalam agenda kesihatan nasional.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mewujudkan Dasar Kesihatan Mental Negara semenjak tahun 1998 yang menggariskan beberapa strategi menangani masalah kesihatan mental. Antara langkah-langkah/pendekatan yang diambil bagi menangani masalah kesihatan mental di negara ini adalah:

Pendekatan jangka pendek:

- (i) Melaksanakan aktiviti-aktiviti secara berkala seperti pameran, ceramah, dialog dan forum bagi menggalakkan kesihatan mental yang positif melalui Kempen Cara Hidup Sihat dan Hari Kesihatan Mental Sedunia yang memfokuskan kepada “Pupuk Minda Sihat dengan Menangani Stres”. Aktiviti promosi juga memfokuskan aspek kesedaran kemurungan (*depression awareness*) dan pencegahan bunuh diri;
- (ii) Menyediakan bahan-bahan pendidikan kesihatan tentang stres, pencegahan penyakit mental, masalah mental seperti kemurungan, keresahan serta masalah tingkah laku, buli dan penderaan. KKM juga membangunkan laman web www.myhealth.gov.my. di mana orang ramai boleh mendapatkan maklumat tentang penjagaan kesihatan mental;
- (iii) Bagi mengurangkan prevalen gangguan mental dan tingkah laku, saringan untuk mengenalpasti tahap stres, keresahan dan kemurungan serta intervensi awal bagi mereka yang berisiko dilaksanakan di klinik-klinik kesihatan melalui perkhidmatan kesihatan mental secara integrasi. Perkhidmatan rawatan susulan juga diberi bagi menggalakkan pesakit mental stabil menerima rawatan susulan di peringkat komuniti serta pemulihan psikososial dalam masyarakat; dan

- (iv) Bagi merawat pesakit mental, KKM telah menyediakan perkhidmatan rawatan psikiatri di 4 buah Institusi Mental dan 42 buah hospital kerajaan. Perkhidmatan kesihatan mental juga ditawarkan di klinik-klinik kesihatan yang dilaksanakan secara integrasi. Perkhidmatan ini meliputi aktiviti saringan untuk mengenalpasti tahap stres, keresahan dan kemurungan, intervensi bagi mereka yang berisiko serta rawatan susulan bagi pesakit mental stabil.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi pendekatan jangka panjang pula:

- (i) KKM telah membangunkan Pelan Tindakan Strategik Pencegahan Bunuh Diri Kebangsaan 2012-2016 yang menggariskan beberapa strategi untuk menangani masalah kesihatan mental yang boleh membawa kepada tindakan bunuh diri di kalangan masyarakat; dan
- (ii) KKM juga telah mewujudkan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melaksanakan Program Minda Sihat Menangani Stres di kalangan murid-murid sekolah menengah. Sehingga Ogos 2012, sebanyak 267 buah sekolah telah pun melaksanakan program ini yang akan diperluaskan secara berperingkat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]
TARIKH : 20 MAC 2014

DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- a) Apakah sebab Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) Wilayah Persekutuan perlu mengambil masa lebih daripada 6 bulan untuk mendaftarkan pindah milik jenis strata; dan
- b) Apakah langkah-langkah drastik yang akan diambil PTG Wilayah Persekutuan untuk mengatasi kesulitan ini.

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan dahulunya adalah agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. Pada 1 Julai 2013, ianya diletakkan di bawah seliaan Jabatan Perdana Menteri. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan menyedari dan mengakui hakikat kelewatan proses pendaftaran urusan hakmilik strata.

Kelewatan proses pendaftaran urusniaga hakmilik strata ialah disebabkan faktor berikut:-

- i) Peningkatan jumlah hakmilik strata di Wilayah Persekutuan menyebabkan peningkatan jumlah urusniaga hakmilik strata;
- ii) Proses pendaftaran urusniaga hakmilik strata di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur masih dilaksanakan secara manual;
- iii) Kekurangan tenaga kerja berbanding peningkatan jumlah urusan.

Namun begitu, langkah-langkah telah diambil bagi menyelesaikan isu kelewatan tunggakan pendaftaran urusniaga hakmilik strata.

- i) Langkah-langkah yang telah diambil:
 - Mewujudkan sebuah *task force* di kalangan pegawai dan kakitangan yang ada di PPTGWPKL. *Task force* ini dijalankan secara berkala bergantung kepada kesesuaian masa pegawai dan kakitangan.
 - Melantik 30 orang Pekerja Sambilan Harian (PSH) tambahan secara sementara untuk tempoh selama tiga (3) bulan mulai 3 Mac 2014.
- ii) Merancang untuk membangunkan Sistem Hakmilik Strata Berkomputer melalui permohonan Peruntukan Pembangunan pada tahun 2015.

Sekian.

NO. SOALAN:39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 20 MAC (KHAMIS)

SOALAN :

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan faktor-faktor yang dianggap paling kritikal dalam mencapai status negara maju di tahun 2020. Apakah kesukaran terbesar dalam mencapai status negara maju tersebut.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Matlamat mencapai status negara maju telah pun termaktub dalam Wawasan 2020, iaitu menjadi sebuah negara maju dalam acuan kita tersendiri. Dari aspek ekonomi, antara faktor yang penting dan dianggap kritikal untuk mencapai status negara maju pada tahun 2020 ialah membentuk ekonomi yang dinamik, berdaya saing dan berdaya tahan. Untuk itu, adalah kritikal bagi negara untuk beralih kepada ekonomi yang berintensifkan pengetahuan dan inovasi dengan meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta mewujudkan masyarakat yang saintifik dan progresif, kreatif dan berinovatif yang mampu menjana teknologi baru sebagai sumber pertumbuhan pada masa hadapan.

Namun, pencapaian sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020 bukan hanya bergantung kepada pencapaian ekonomi dan pendapatan yang tinggi semata-mata. Faktor yang sama kritikal adalah menentukan pembangunan negara terus mampan melalui pembangunan yang berbentuk inklusif, di mana kekayaan negara diagih secara adil dan saksama ke setiap lapisan masyarakat. Di samping itu, cabaran yang menyentuh bidang sosial turut penting, iaitu mengekalkan kemakmuran, amalan demokrasi dan perpaduan serta mengukuhkan keutuhan nilai moral dan etika, sifat liberal dan bertolak ansur dan pemeliharaan institusi kekeluargaan.

Antara kesukaran terbesar yang dihadapi adalah melahirkan tenaga kerja bertaraf negara berpendapatan tinggi dari segi kelayakan pendidikan yang tinggi bagi menyokong inovasi, tahap kemahiran yang tinggi dalam bidang teknikal dan profesional serta paras produktiviti yang tinggi. Dalam persaingan global yang sengit, modal insan berkualiti lebih tertarik ke negara yang menyediakan peluang lebih baik.

Kesukaran kedua terbesar yang dihadapi adalah menggerakkan sektor swasta sebagai peneraju utama pertumbuhan dan tidak bergantung kepada Kerajaan. Masih terdapat banyak ruang penambahbaikan untuk menggiat dan meningkatkan pelaburan swasta yang produktif dan berteknologi tinggi. Dalam tempoh 2011 hingga 2013, pelaburan swasta meningkat 15.3 peratus setahun atau RM138 bilion setahun. Sejak dilancarkan pada tahun 2010, sebanyak 196 buah projek telah dilancarkan di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dengan jumlah pelaburan komited sebanyak RM219 bilion yang dijangka menyumbang sebanyak RM144 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar dan mewujudkan 437,816 peluang pekerjaan baru menjelang tahun 2020.

Selain itu, kesukaran terbesar adalah memastikan kesamarataan untuk rakyat bersaing dan turut serta dalam ekonomi serta menerima manfaat daripadanya. Masih wujud keperluan untuk meneruskan usaha merapatkan jurang ketidakseimbangan sosioekonomi seiring dengan perkembangan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [BUKIT GANTANG]
TARIKH : 20 MAC 2014 (KHAMIS)
SOALAN : Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah bilangan peminjam dan nilai peminjam TEKUN di dalam Parlimen Bukit Gantang yang belum menjelaskan hutang TEKUN sehingga Disember 2013.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 31 Disember 2013, bilangan peminjam TEKUN Kawasan Parlimen Bukit Gantang sahaja adalah seramai 2,172 orang dengan nilai pinjaman RM12.23 juta. Daripada jumlah tersebut, seramai 499 orang usahawan Kawasan Parlimen Bukit Gantang yang belum menyelaraskan hutang telah di kategorikan sebagai *Non Active Loan (NAL)* dengan nilai tunggakan RM2.05 juta.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]

TARIKH : 20 MAC 2014

RUJUKAN : 6527

SOALAN:

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kepada Dewan berapakah jumlah bilangan pengawal keselamatan yang sah berdaftar di negara ini dan kriteria yang diterima pakai bagi perlantikan pengawal keselamatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 28 Februari 2014, jumlah pengawal keselamatan yang sah berdaftar di negara ini adalah seramai 249,946 pengawal keselamatan warganegara Malaysia dan seramai 6,746 orang warganegara asing (Nepal).

Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah menetapkan syarat dan peraturan pengambilan pengawal keselamatan untuk syarikat-syarikat kawalan keselamatan melalui Surat Pekeliling Agensi Persendirian Bil. 4 Tahun 2010 (syarat/peraturan pengendalian dan pengurusan Agensi Persendirian di bawah Seksyen 3 Akta Agensi Persendirian 1971) yang menyatakan bahawa syarat pengambilan pekerja dan pengawal keselamatan antaranya adalah seperti berikut:

- a) warganegara Malaysia;**
- b) berumur tidak kurang dari 18 tahun;**
- c) pengawal keselamatan berumur lebih 65 tahun tidak dibenarkan. Bagi pengawal yang berumur 56 hingga 65 tahun hendaklah mendapat pengesahan dari Pegawai Perubatan mengenai tahap kesihatan bagi setiap tahun;**

d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal seperti berikut:

- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.52m (5') bagi wanita;**
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 47.6 kg (105 paun) bagi lelaki dan 46 kg (100 paun) bagi wanita;**
- (iii) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan**
- (iv) diakui sihat dan sesuai oleh Pegawai Perubatan. (Pengesahan dari Pegawai Perubatan adalah diperlukan bagi setiap pengawal yang diambil bekerja).**

e) Lulus tapisan keselamatan oleh KDN; dan

f) Menjalani latihan asas pengawal keselamatan termasuklah latihan mengendalikan senjata api.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' OTHMAN BIN AZIZ

TARIKH: 20 MAC 2014

SOALAN:

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada pihak Kementerian bercadang untuk menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan bagi mengatasi masalah graduan yang sukar mendapat penempatan pekerjaan ekoran pemilihan pengkhususan bidang di universiti yang tidak selari dengan penawaran pekerjaan pada masa kini.

PR-1321-L59961

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) sentiasa bersedia untuk memberikan kerjasama kepada Kementerian Pendidikan atau mana-mana Kementerian lain dalam usaha menangani masalah penempatan pekerjaan terutama golongan siswazah.

Program kerjasama

2. KSM melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) sentiasa memberikan kerjasama kepada pihak IPT dalam melaksanakan program *Finishing School*. Program *Finishing School* ini merupakan satu program untuk memberi pendedahan dan persiapan awal kepada bakal graduan sebelum mereka memasuki alam pekerjaan sebenar. Antara kandungan program ini termasuklah penampilan diri (*personal grooming*), kelancaran berbahasa Inggeris (*english proficiency*), penulisan *resume*, kemahiran temuduga, *soft skills* dan sebagainya. Program ini dilaksanakan kepada pelajar-pelajar tahun akhir di institut-institut pengajian tinggi.

Sebab pengkhususan bidang di universiti yang tidak selari dengan penawaran pekerjaan dan langkah mengatasi

3. Masalah ketidakseimbangan (*mismatch*) antara graduan yang dihasilkan oleh institusi pengajian tinggi dengan keperluan industri adalah antara punca yang dikenalpasti menyukarkan para graduan terus diserapkan dalam bidang pekerjaan. Walau bagaimanapun masalah ini masih boleh diatasi berdasarkan kepada *trend* pengambilan pekerja masa kini yang tidak menumpukan perhatian kepada kelulusan calon semata-mata. *Trend* pengambilan masa kini dipengaruhi oleh perubahan ekonomi global yang menekankan kepada produktiviti dan kesesuaian calon.

4. Majikan masakini sama di peringkat nasional atau global menentukan kualiti seseorang calon berdasarkan kemahiran *soft skill*, keupayaan melaksanakan kepelbagaian tugas (*multi-task*), keupayaan bertindakbalas secara berkesan dalam suasana kerja dan lain-lain.

Langkah lain yang dilakukan

5. Menyedari perkara ini, JTK mengambil langkah menganjurkan seminar-seminar kerjaya, ceramah dan kaunseling kerjaya kepada para graduan bagi memberi penjelasan mengenai keperluan kerjaya masa kini disamping memberi pendedahan tentang kehendak pasaran pekerjaan semasa. Ceramah dan seminar yang dianjurkan menitikberatkan usaha mempelbagaikan kebolehan dan kemahiran pencari kerja dengan tujuan memberi kemahiran tambahan kepada mereka bagi meningkatkan *employability* serta untuk memenuhi keperluan industri.

6. Melalui program-program seperti ini para pencari kerja akan diberikan motivasi, panduan dan nasihat yang boleh membantu mereka memasarkan diri bagi mendapat pekerjaan. Pencari kerja akan digalakkan supaya mendapatkan sebarang pengalaman kerja kerana ini dapat memberi faedah bagi menyesuaikan diri dalam kerjaya di pasaran terbuka. Mereka juga akan digalakkan melengkapkan diri dengan sikap kebertanggungjawaban, kreatif dan inovatif dalam menyelesaikan masalah, mempunyai pemikiran

keusahawanan, fleksibel dan kesediaan untuk menimba ilmu. Selain itu mereka juga akan dibimbing tentang teknik berkomunikasi dan menjadi ahli kumpulan yang baik.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji
Habibollah [LIMBANG]**

TARIKH : 20.03.2014 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 43

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Kementerian akan menyambung pelaksanaan pembinaan Jalan Meritam-Telahak-Buangabai-Pengkalan Rejab-Sungai Poyan Fasa 2 yang terbengkalai sehingga membantutkan pembinaan untuk Fasa 3.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, proses penamatan kontrak Jalan Meritam-Telahak-Buangabai-Pengkalan Rejab-Sg. Poyan Fasa 2 sedang dijalankan dan dijangka akan di tender semula pada bulan April 2014. Bagi pelaksanaan projek Jalan Meritam-Telahak-Buangabai-Pengkalan Rejab-Sg. Poyan Fasa 3, proses penyediaan dokumen tender sedang dijalankan dan dijangka di tender semula pada April 2014 dan kerja pembinaan dijangka bermula pada Jun 2014.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]**
TARIKH : **20 MAC 2014 (KHAMIS)**
SOALAN : **Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah jenis-jenis subsidi yang masih diberikan kepada petani-petani pada masa sekarang untuk membantu petani-petani meningkatkan taraf hidup mereka di kawasan Parlimen Sarikei khasnya di daerah Sarikei dan Meradong.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menyediakan pelbagai subsidi untuk dinikmati oleh petani-petani seluruh negara, termasuk petani di Bahagian Sarikei dan Meradong. Antara subsidi yang diberikan adalah:

- (i) Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP);
- (ii) Skim Subsidi Harga Padi (SSHP);
- (iii) Subsidi Harga Beras;
- (iv) Insentif Peningkatan Hasil Padi;
- (v) Insentif Pengeluaran Padi;
- (vi) Insentif Benih Padi Sah; dan
- (vii) Insentif Teknologi Amalan Pertanian Baik.

Selain itu, memandangkan penanaman padi bukit merupakan salah satu kegiatan yang masih banyak dijalankan oleh golongan petani di bahagian Sarikei, bantuan subsidi kepada golongan tersebut turut disediakan. Komponen Bantuan Penanaman Padi Bukit adalah khusus untuk petani yang telah berdaftar dengan Jabatan Pertanian Sarawak. Kadar bantuan adalah sebanyak RM1,000 per hektar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 20 MAC 2014

SOALAN :

DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI [SETIAWANGSA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini The Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) dan jumlah kekuatan yang dimiliki ESSCOM setakat ini. Adakah terdapat sebarang kemungkinan ancaman lain yang telah dapat dikesan oleh ESSCOM.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan ESSCOM menepati kehendak keperluan keselamatan di ESSZONE. Status terkini keselamatan di ESSZONE amat menyakinkan bukan sahaja kepada penduduk tempatan malah kepada para pelancong dari dalam dan luar negara. Setelah hampir setahun penubuhan ESSCOM, kini organisasi tersebut mempunyai kekuatan tambahan dari PDRM terdiri daripada 2 Batalion PGA (Pasukan Gerak Am) dan bagi ATM sebanyak 2 Batalion Briged ESSCOM ATM yang ditempatkan di kawasan ESSZONE. Beberapa buah kapal dan bot juga telah diletakkan dibawah kawalan operasi Bahagian Penguatkuasaan Maritim (APMM), ESSCOM. APMM juga akan menambahkan jumlah pos maritim di Pantai Timur Sabah disamping menambah aset sedia ada. Operasi dilaksanakan di daratan, maritim dan juga ruang udara.

Agensi-agensi keselamatan juga akan mempertingkatkan bilangan anggota yang akan ditempatkan di kesemua pos-pos kawalan yang terletak di sepanjang perairan pantai timur Sabah. Penambahan aset dan sumber manusia serta koordinasi yang baik diantara agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan dengan ESSCOM diharap akan dapat mempertingkatkan kawalan serta pencegahan pencerobohan dan juga rompak di sepanjang kawasan ini.

Kebarangkalian untuk berlaku pencerobohan baru seperti yang telah berlaku di Tanduo, Lahad Datu pada 12 Februari 2013 adalah rendah. Namun demikian, jenayah rentas sempadan dijangka akan terus berlaku

dari semasa kesemasa. ESSCOM bertekad untuk mengurangkan jenayah rentas sempadan di ESSZONE dengan mempertingkatkan “*virtual presence and deterrence*” dan operasi penguatkuasaan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah**
[Kubang Kerian]
TARIKH : **20.03.2014**
SOALAN :

Y.B. Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan banyak klip video yang memaparkan kejadian buli yang berlaku di kalangan pelajar sekolah telah dimuat naikkan ke alam maya. Apakah pihak Kementerian boleh menjadikan ianya sebagai asas untuk diambil tindakan dan bagaimana kejadian-kejadian itu diselesaikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat memandang serius terhadap semua kes buli yang berlaku sama ada di sekolah ataupun yang dipaparkan dalam video klip. Semua kes buli ini akan disiasat dan sekiranya benar-benar berlaku, maka tindakan tegas terhadap perlakuan tersebut akan dikenakan termasuklah:

- a. Amaran keras (murid perlu tandatangan surat aku janji);
- b. Dilarang menggunakan kemudahan sekolah atau asrama atau mengambil bahagian dalam program atau aktiviti sekolah untuk suatu tempoh tertentu;
- c. Dikenakan hukuman rotan tidak melebihi 3 kali;

- d. Digantung persekolahan (selama tempoh tidak melebihi 14 hari);
- e. Menjalani sesi kaunseling; dan
- f. Tindakan buang sekolah dilakukan setelah semua tindakan diambilkira.

Rjm50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI

KAWASAN : SIPITANG

TARIKH : 20.3.2014 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 47

Datuk Sapawi Bin Ahmad Wasali minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimana harapan Malaysia berhubung rundingan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dan bila ia dijangka dapat dimuktamadkan dan sejauh mana jaminan terhadap kepentingan Bumiputra serta Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Keputusan Kerajaan untuk menyertai rundingan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) telah dibuat berdasarkan fakta iaitu kebergantungan ekonomi negara kepada perdagangan antarabangsa. Kerajaan menjangka dengan TPPA, komuniti perniagaan dan sektor pembuatan negara akan memperoleh akses pasaran bebas cukai sebesar 800 juta orang dengan gabungan KDNK yang sejumlah AS\$27.5 trillion. Secara langsung, ia menyediakan pasaran global yang lebih besar kepada produk-produk tempatan serta peluang yang lebih besar kepada peniaga tempatan untuk memasarkan produk-produk mereka ke pasaran TPPA. Pembukaan pasaran baharu bersama akses pasaran yang tinggi turut mewujudkan peluang-peluang baharu dalam jaringan rangkaian pembekalan (supply chain network) bagi bahan/perkhidmatan sokongan pembuatan untuk menjadikan barangan/produk buatan Malaysia lebih berkualiti, serta mampu berdaya saing di pasaran

antarabangsa. Dengan keanggotaan TPPA, Malaysia dapat menjamin akses pasaran berkeutamaan ke negara-negara TPPA dimana penghapusan duti dibawah TPPA adalah kekal dan terjamin.

Tuan Yang Di Pertua,

Seperti yang dimaklumkan dalam sesi-sesi perbincangan dan konsultasi berterusan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Mesyuarat Menteri-Menteri TPPA yang diadakan di Singapura pada 25-26 Februari 2014 masih belum mencapai kata putus dan persetujuan mengenai isu-isu sensitif. Semua mengambil maklum bahawa sasaran awal memuktamadkan rundingan pada hujung tahun 2013 tidak dicapai dan tiada sasaran baharu yang ditetapkan.

Tuan Yang Di Pertua,

Mengenai jaminan terhadap kepentingan Bumiputra serta Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), Kerajaan sedar bahawa TPPA akan menguji kemampuan dan kesediaan perniagaan tempatan untuk bersaing. Adalah menjadi salah satu agenda utama Kerajaan untuk menyediakan kemudahan Bina Upaya kepada usahawan tempatan melalui agensi-agensi seperti SME Corp, MATRADE dalam memastikan usahawan dan peniaga tempatan tidak terpinggir daripada persaingan, termasuk persaingan yang diakibatkan TPPA dan perjanjian perdagangan bebas yang lain. Bantuan disediakan dalam pelbagai program khusus yang tertumpu kepada pematuhan kepada pensijilan dan piawaian antarabangsa, automasi dan pemodenan operasi perniagaan, peningkatan kualiti serta kemahiran pemasaran, penjenamaan dan pengiktirafan produk dan perkhidmatan, serta pembiayaan untuk eksport.

Isu Kerjasama dan Bina Upaya telah diberi perhatian yang tinggi dalam TPPA oleh semua ahli anggota rundingan TPPA dan ini terbukti dengan terdapatnya Bab khusus mengenai SME di dalam TPPA. Ini merupakan FTA yang pertama di dunia yang memperuntukan Bab khusus mengenai SME.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN NGA KOR MING
[TAIPING]**

TARIKH : 20 MAC 2014

SOALAN :

YB. Tuan Nga Kor Ming minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berapakah jumlah kos untuk menganjurkan Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina di Taiping, Majlis Rumah Terbuka Deepavali, Majlis Rumah Terbuka Hari Raya serta Majlis Rumah Terbuka Krismas sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 dan pencapaian program sedemikian.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kos perbelanjaan keseluruhan bagi Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) Tahun Baru Cina yang telah diadakan di Taiping, Perak pada 8 Februari 2014 adalah berjumlah RM1,953,150. Kos ini meliputi pembiayaan persiapan tempat, teknikal, jamuan rakyat, persembahan, keceriaan, promosi, keurusetiaan, pengangkutan dan keselamatan. Majlis yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berlangsung dengan jayanya serta mendapat sambutan yang amat memberangsangkan daripada segenap lapisan masyarakat dengan kehadiran dianggarkan berjumlah 50,000 orang.

Pada masa yang sama, Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM8.2 juta bagi melaksanakan baki lima (5) MRTM iaitu MRTM Tadau Kaamatan, MRTM Gawai Dayak, MRTM Hari Raya Aidilfitri, MRTM Deepavali dan MRTM Krismas sepanjang Tahun 2014.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA
[BATU]**

TARIKH : 20.03.2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hasil siasatan SPRM terhadap dakwaan harta kekayaan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang di kumpul melalui rasuah dan penyelewengan. Adakah kes-kes ini telah digugurkan.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

SPRM telah bertungkus lumus untuk menyelesaikan siasatan terhadap kes bekas Ketua Menteri Sarawak. Sebanyak 9 Kertas Siasatan telah dibuka sehingga kini dan satu pasukan *task force* telah ditubuhkan yang melibatkan pegawai-pegawai SPRM dan pegawai-pegawai dari Jabatan Peguam Negara. Perbincangan diantara SPRM dan Jabatan Peguam Negara dibuat dari semasa ke semasa. Setakat ini kes tersebut belum lagi dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN YANG KE-13

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]
TARIKH : 20 MAC 2014 (SELASA)
NO. SOALAN : 50

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

(a) usaha Kerajaan untuk mencegah dan mengawal kemerosotan perhubungan dan perpaduan di antara kaum dan di antara penganut-penganut berbilang agama; dan

(b) apakah tindakan-tindakan yang sedang dan akan diambil untuk mencapai matlamat ini.

JAWAPAN:

Yang Di-Pertua,

Tahap perpaduan, kemakmuran dan keharmonian negara Malaysia adalah jauh lebih aman dan lebih tinggi berbanding dengan negara-negara majmuk yang lain, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa perbezaan pandangan dari segi etnik, agama, budaya dan bahasa kadangkala mencetuskan perasaan tidak puas, prasangka, perselisihan dan sengketa, yang boleh menjejaskan keamanan dan ketenteraman masyarakat.

Sejak kemerdekaan dan sepanjang proses pembinaan negara bangsa, pucuk pimpinan negara memang sangat sedar dan peka akan cabaran-cabaran untuk terus memupuk persefahaman dan keharmonian, mengurangkan pelbagai jurang antara kaum dan agama serta meredakan dan menyelesaikan sengketa yang timbul. Kesedaran dan komitmen ini dicerminkan dalam segala dasar dan langkah berterusan yang giat dilaksanakan, khasnya penubuhan Jabatan Perpaduan Negara

dan Integrasi Nasional (JPNIN) pada Julai 1969 dengan pengenalan kepada Skim Rukun Tetangga dengan rondaan wajib diperkenalkan pada 1975.

JPNIN telah diberi nafas baru di bawah Gagasan 1 Malaysia dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang diilham dan dipacu oleh YAB Datuk Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri kita sejak 2009 untuk terus memupuk perpaduan dalam kepelbagaian antaranya melalui:

- a) NKRA Mengurangkan Jenayah di bawah GTP telah memberi suntikan semangat dan dana kepada Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang ditubuhkan sejak 1975 dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) sejak 2004. Sambutan daripada rakyat adalah amat menggalakan. KRT bertambah dari 3996 pada 1 Januari 2009 ke 6482 pada 31 Disember 2013 manakala SRS bertambah dari 1284 ke 4011. Dari segi kualitatif, keberkesanan KRT & SRS turut meningkat yang dapat memperkasakan semangat kejiranan dan kesukarelaan demi keselamatan dan keharmonian.
- b) JPNIN terus menganjurkan pelbagai program ke arah jalinan integrasi nasional seperti program lawatan integrasi nasional, program homestay integrasi, program titian padu emas, titian integrasi IPT dan kursus orientasi pegawai-pegawai persekutuan dari Semenanjung bertugas di Sabah, Sarawak dan Labuan dan sebaliknya yang bertujuan untuk meningkatkan kefahaman budaya dan cara hidup masyarakat setempat.
- c) Di samping itu, pelbagai aktiviti perpaduan masyarakat terus dianjurkan seperti Sambutan Bulan Perpaduan, Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik, Debat Perpaduan IPT, Perluasan Kelab-Kelab Rukun Negara di sekolah rendah dan menengah dan Sekretariat Rukun Negara di kolej dan institusi pengajian tinggi yang bertujuan menyemai prinsip-prinsip Rukun Negara selari dengan nilai-nilai murni dan aspirasi Gagasan 1Malaysia.

- d) JPNIN juga melakukan pengesanan dan pemantauan laporan-laporan media cetak, internet, media sosial dan pihak polis melalui sistem e-sepakat bertujuan mengukur tahap keharmonian masyarakat di dalam negara. Isu-isu sosial dan kejiwaan di peringkat komuniti yang mungkin boleh menimbulkan pergaduhan di antara kaum juga dipantau dan diuruskan supaya dapat diselesaikan melalui kaedah mediasi oleh 874 orang Mediator Komuniti yang telah dilatih dan ditauliahkan.
- e) JPNIN juga bekerjasama dengan Institusi-institusi pengajian tinggi dan penyelidikan, khasnya Institut Kajian Etnik (KITA) di UKM untuk menjalankan pelbagai kajian mengenai isu-isu hubungan antara kaum dan UPM untuk kajian memantapkan pengurusan dan pentadbiran Rukun Tetangga.
- f) Di samping itu, atas arahan Jemaah Menteri, Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JKMPKA) ditubuhkan yang disertai oleh pemimpin-pemimpin agama Islam dan Bukan Islam untuk berdialog supaya memupuk persefahaman dan mencari penyelesaian atau pendamaian antara penganut agama.
- g) Penubuhan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MPKN) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri merupakan sebuah badan bebas untuk membincangkan isu-isu yang boleh menghalang perpaduan dan mengesyorkan jalan penyelesaian terbaik kepada Kerajaan melalui pembangunan Pelan Tindakan Perpaduan Negara (*National Unity Blueprint*).
- h) Menganjurkan lebih banyak sesi perbincangan, bengkel, *contestation of ideas* dan perdebatan melibatkan golongan muda dan penduduk bandar melalui pendekatan berorientasikan idea bagi mengupas isu berbangkit dalam hubungan antara kaum seperti kontrak sosial, perkara 151 hingga 153 Perlembagaan Persekutuan dan lain-lain.

- i) Penubuhan Skwad Perpaduan yang telah dilancarkan YAB Perdana Menteri pada 9 Mac 2014 yang memainkan peranan sebagai suatu pasukan terdiri daripada pelbagai kaum yang akan mendampingi ahli-ahli masyarakat di kawasan setempat untuk memberikan perkhidmatan mediasi komuniti untuk tujuan pengurangan konflik, keselamatan kejiwaan melalui Skim Rondaan Sukarela agar wujud perasaan selamat di kalangan komuniti, pendidikan perpaduan melalui perluasan Kelas Tabika Perpaduan, Kelab-Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara.

Walaupun kerajaan amat bersungguh-sungguh memastikan rakyat hidup di dalam suasana aman dan harmoni, masih terdapat anasir-anasir yang cuba mengubah nikmat keamanan dan ketenteraman yang dikecapi selama ini. Kerajaan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang sengaja menjejaskan sensitiviti kaum dan memecahkan keamanan melalui undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Adalah dipercayai bahawa melalui langkah-langkah, kepekaan dan kerjasama semua rakyat jelata, keharmonian dan perpaduan akan dapat terus dipupuk, keamanan dan kebahagiaan dikekalkan untuk manfaat semua rakyat dan generasi yang akan datang, selaras dengan hasrat Wawasan Negara dan Gagasan 1 Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]
TARIKH : 20.03.2014 (KHAMIS)

TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah kes penyelewengan diesel bersubsidi dilaporkan, jumlah tangkapan, jumlah pendakwaan, dihukum dan dibebaskan serta diberi amaran sahaja mengikut negeri dan daerah dari 2008 sehingga 2013 serta kawasan yang tertinggi dan terendah berlakunya penyelewengan diesel bersubsidi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sentiasa mengambil tindakan yang tegas terhadap penyelewengan diesel bersubsidi di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Berdasarkan data tindakan kes bagi tahun 2010 sehingga 2013, sebanyak 3,715 kes telah dihasilkan, 233 kes telah didakwa di Mahkamah manakala 664 kes telah dikenakan kompaun. Hanya 383 kes yang diklasifikasikan Timbalan Pendakwa Raya sebagai kes Tiada Tindakan Lanjut (NFA) manakala 25 kes diklasifikasikan oleh Timbalan Pendakwa Raya sebagai Dilepas Tanpa Dibebaskan (DNAA) dan 2,417 kes masih dalam siasatan.

Kes penyelewengan diesel bersubsidi yang tertinggi dihasilkan oleh KPDNKK Kangar, Perlis sebanyak 276 kes manakala yang terendah adalah tiada (0) kes di KPDNKK Kapit, Sarawak dan KPDNKK Beaufort, Sabah.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
KAWASAN : INDERA MAHKOTA
TARIKH : 20 MAC 2014, KHAMIS

SOALAN:

YB. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN (INDERA MAHKOTA) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status atau kemajuan jalan yang telah dirancang pembinaannya dari Sungai Lembing, Kuantan ke Jerantut. Berapakah peruntukan sebenar yang telah diluluskan, dan adakah kerja-kerja menetapkan laluan (*alignment*) sudah disiapkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang dalam proses menjalankan reka bentuk terperinci projek membina Jalan Sungai Lembing ke Jerantut, Pahang.

Sehubungan itu penentuan jajaran untuk projek ini telah hampir dimuktamadkan dan akan dikemukakan untuk kelulusan Kerajaan Negeri Pahang. Kos projek ini dianggarkan sebanyak RM300 juta dan dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2015 atau RMKe-11 (2016), tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN JEFF OOI CHUAN AUN**

TARIKH : **20 MAC 2014 (KHAMIS)**

SOALAN : **53**

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah tindakan dan penalti yang telah diambil ke atas Telekom Malaysia dan TIME Telekom yang memaksa para pemaju untuk memberi sumbangan kewangan tertentu sebelum rangkaian telekomunikasi talian tetap dipasang di kawasan-kawasan pembangunan. Bukankah perlakuan ini bercanggah dengan ketetapan SKMM bertarikh 22 Jun 2009.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pemaju hartanah tidak dipaksa untuk memberi sumbangan kewangan atau diwajibkan untuk menerima sebarang modal perkongsian yang ditawarkan mana-mana penyedia kemudahan dan perkhidmatan rangkaian. Pada masa yang sama, pemaju hartanah bebas memilih mana-mana pihak penyedia kemudahan dan perkhidmatan rangkaian, berdasarkan modal pelaksanaan yang dipersetujui kedua pihak. Oleh

SOALAN NO: 53

itu, selaras dengan keperluan semasa, kemudahan komunikasi telah ditakrifkan sebagai satu bentuk kemudahan asas, sama seperti dengan kemudahan elektrik, air, pembedungan dan lain-lain lagi.

Bagi memastikan penyediaan kemudahan komunikasi yang sempurna kepada pengguna, para pemaju hartanah amnya disyaratkan untuk menyediakan kemudahan prasarana komunikasi di dalam kawasan pemajuan masing-masing. Kos penyediaan prasarana tersebut adalah di bawah tanggungjawab para pemaju sama seperti kos penyediaan kemudahan-kemudahan asas yang lain. Pada masa yang sama, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menggalakkan sebarang pendekatan yang menguntungkan kedua-dua belah pihak iaitu antara pihak pemaju hartanah dan pihak penyedia kemudahan rangkaian, selagi mana ianya tidak bercanggah dengan peruntukan undang-undang sedia ada. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan bagi memastikan para pengguna dan pembeli hartanah amnya dapat menikmati manfaat kemudahan komunikasi yang berkualiti dan sempurna.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 20 MAC 2014

RUJUKAN : 6528

SOALAN:

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dasar Kerajaan untuk mengawal selia firma-firma penyumberan luar (*outsourcing*) dan adakah bilangan pekerja (tempatan dan asing) yang telah diberikan pekerjaan melalui firma-firma ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Kerajaan untuk mengawal selia firma-firma penyumberan luaran (*outsourcing*) pada masa ini adalah melalui pengurusan syarikat *outsourcing* di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (AAPS 1981). Ini selaras dengan keputusan Kerajaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) Kali Ke-3 Bil. 2/2010 pada 20 Mei 2010 yang telah bersetuju supaya pengurusan syarikat *outsourcing* diuruskan di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (AAPS 1981) berserta peraturannya dan juga memutuskan bahawa syarikat *outsourcing* bukan lagi sebagai majikan tetapi hanya menguruskan kemasukan dan penghantaran pulang pekerja asing.

Selaras dengan keputusan tersebut, Kementerian ini bersama-sama Kementerian Sumber Manusia telahpun melaksanakan *engagement* dengan pihak *industry players* untuk sektor berkaitan, wakil majikan, wakil pekerja dan syarikat-syarikat *outsourcing* secara berperingkat bagi memastikan pengurusan syarikat *outsourcing* di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (AAPS 1981) akan lebih terjamin dengan adanya pengiktirafan undang-undang oleh Kerajaan.

Sehubungan ini juga, pada masa ini syarikat *outsourcing* yang dilantik oleh Kementerian Dalam Negeri hanya membekal dan menguruskan pekerja asing yang telah diluluskan sebelum ini. Jumlah pekerja asing yang masih diuruskan oleh syarikat

outsourcing adalah seramai 83,902 orang pekerja asing melibatkan 267 buah syarikat *outsourcing*.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : 10 APRIL 2014 (KHAMIS)

SOALAN : 55

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan pembangunan dunia maya Internet di semua aspek di negara ini berbanding dengan Korea Selatan. Apakah jenis, jumlah kos dan prestasinya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi Korea Selatan, KDNK yang direkodkan pada tahun 2012 adalah USD1,155.9b (RM3,814.47 bilion) berbanding dengan Malaysia pada kadar RM941.2 bilion pada tahun yang sama.

Berdasarkan laporan Global Competitiveness Index (GCI) tahun 2013-2014 oleh World Economic Forum, secara keseluruhannya Malaysia berada pada kedudukan ke-24 daripada 148 negara iaitu mendahului satu tangga di atas Negara Korea Selatan yang jatuh sebanyak enam (6) kedudukan ke tangga ke-25.

Namun dari segi pembangunan komunikasi dan multimedia, tidak dinafikan bahawa Korea Selatan adalah negara yang jauh lebih maju dari segi kelajuan dan kadar penggunaan perkhidmatan jalur lebar. Sebagai perbandingan, peratus pengguna internet di Malaysia adalah 65.8% manakala Korea Selatan adalah 84.1% bagi tahun 2012 yang dipetik daripada GCI 2013-2014.

Perbandingan pencapaian Malaysia berbanding Korea adalah seperti berikut:

Perkara	Korea Selatan	Malaysia
KDNK (2012)	RM3,814.5 bilion	RM941.2 bilion
Kedudukan Global Competitiveness Index	Tangga ke-25	Tangga ke-24
Peratus pengguna internet (2012)	84.1%	65.8%
Isirumah dihubungkan dengan talian fiber optik	70%	20%
Pelaburan kerajaan dalam infrastruktur rangkaian fiber	RM60 bilion	RM2.4 bilion

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM**
(SEPUTEH)

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **20.03.2014**

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI**

KEWANGAN menyatakan sama ada Kerajaan akan menambatkan (peg) Ringgit Malaysia (RM) dengan mata wang negara asing untuk mencegah nilai RM daripada jatuh. Nyatakan kejatuhan nilai RM pada tahap apakah yang Kerajaan akan menambatnya dengan mata wang asing.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan Malaysia tidak berhasrat untuk menambat ringgit kepada

mana-mana mata wang. Ringgit beroperasi di bawah sistem kadar pertukaran apungan terurus (*managed float*) berbanding dengan sekumpulan mata wang rakan perdagangan utama negara. Pendirian ini lebih mencerminkan sifat hubungan dagangan kita yang pelbagai.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, sistem apungan terurus telah banyak membantu ekonomi negara dalam menyeimbangkan antara kestabilan dan fleksibiliti. Nilai ringgit yang fleksibel adalah penting sebagai penyerap kejutan bagi ekonomi Malaysia. Semasa terdapatnya perkembangan luar biasa dalam pasaran kewangan global pada tahun 2008, ringgit menyusut nilai seiring dengan mata wang serantau yang lain. Pada permulaan program pelonggaran kuantitatif (*quantitative easing*) pertama oleh Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (*US Federal Reserve*), ringgit menambah nilai berbanding dolar AS, sejajar dengan mata wang serantau. Berikutan laporan mengenai kemungkinan pengurangan program pelonggaran kuantitatif di Amerika Syarikat, ringgit kemudiannya menyusut nilai sejajar dengan trend mata wang serantau.

Tuan Yang Di-Pertua,

3. Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa memantau pergerakan nilai ringgit serta pentingnya kestabilan kadar pertukaran asing untuk menggalakkan aktiviti perdagangan dan pelaburan. Keadaan yang stabil ini memberi ruang untuk pengeksport dan para peniaga membuat pelarasan berikutan sebarang perubahan dalam persekitaran perniagaan. Oleh itu, dalam mewujudkan suasana yang lebih tetap untuk membuat sebarang keputusan, BNM akan memastikan agar pergerakan naik turun kadar pertukaran ringgit tidak terlalu ketara.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, perlu diambil kira bahawa nilai ringgit ditentukan oleh kuasa pasaran. Dalam jangka masa pendek, pergerakan ringgit ditentukan oleh sentimen pasaran terhadap perkembangan global dan domestik. Memandangkan sentimen pasaran mudah berubah, kadar pertukaran lazimnya akan naik atau turun pada jangka masa pendek. Manakala, dalam jangka masa panjang, trend asas pergerakan ringgit lebih ke arah mencerminkan asas-asas ekonomi negara. Memandangkan pergerakan kadar pertukaran jangka pendek yang tidak menentu, BNM akan terus memastikan bahawa keadaan di pasaran

pertukaran asing kekal teratur.

5. Dalam pada itu, pasaran pertukaran asing ringgit yang lebih mendalam dan langkah liberalisasi akaun kewangan untuk memudahkan (*facilitate*) urusan pasaran membolehkan pepadanan permintaan dan penawaran ringgit yang lebih baik. Ia juga telah menyediakan ruang untuk perlindungan nilai (*hedging*) terhadap risiko kadar pertukaran. Sehubungan ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk menambat ringgit kepada mana-mana mata wang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN
(TANJONG MALIM)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.03.2014

Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN [TANJONG MALIM] minta **MENTERI**

KEWANGAN menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan subsidi yang lain yang menjimatkan dapat digunakan di tempat yang sesuai dan golongan sasaran yang tepat untuk mendapat manfaat yang paling maksima kepada rakyat dan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan akan terus melaksanakan langkah pembaharuan fiskal (*fiscal*

reform) termasuk rasionalisasi subsidi untuk meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan pengagihan sumber kewangan Kerajaan. Langkah ini perlu bagi mengukuhkan kedudukan kewangan dan memastikan sasaran defisit fiskal pada paras 3.5% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun ini, 3% pada 2015 dan bajet berimbang (*balanced budget*) pada 2020 tercapai. Komitmen tersebut adalah bagi memastikan paras hutang sentiasa tidak melebihi 55% daripada KDNK dan kemampuan fiskal jangka panjang negara. Pada masa kini, kebanyakan negara telah mengambil langkah-langkah drastik untuk mengurangkan defisit fiskal mereka, namun Malaysia mengambil pendekatan secara beransur-ansur (*gradualism*) bagi menyokong pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan pada masa yang sama mengekalkan kesejahteraan rakyat.

Langkah rasionalisasi subsidi telah dilaksanakan dengan berhati-hati bagi memastikan kesan yang minimum dan tidak membebankan rakyat, terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah. Rasionalisasi subsidi dilaksanakan dengan mengalih secara berperingkat kaedah pemberian subsidi secara pukal yang membawa banyak ketirisan, kepada subsidi yang lebih bersasar. Di samping itu, pelaksanaan rasionalisasi

subsidi akan mengambil kira pelbagai aspek termasuk kadar inflasi, kos sara hidup dan kedudukan ekonomi global semasa serta mekanisme sasaran (*targeting mechanism*). Aspek tersebut juga menjadi asas pertimbangan bagi Jawatankuasa Dasar Fiskal (FPC), yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, dalam membuat keputusan mengenai pelaksanaan rasionalisasi subsidi.

Tuan Yang di-Pertua,

Penjimatan daripada rasionalisasi subsidi secara tidak langsung akan dipulangkan kembali kepada rakyat terutama golongan bersasar supaya kesan kenaikan kos sara hidup dapat diimbangi. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membantu meringankan beban golongan mudah terjejas dalam menangani peningkatan kos sara hidup adalah seperti berikut:

- ^ Meningkatkan dan meluaskan pemberian BR1M kepada isi rumah berpendapatan RM4,000 sebulan dan ke bawah serta individu bujang berpendapatan RM2,000 dan ke bawah;
- ^ Memperkenalkan i-BR1M bagi memberi perlindungan maksimum sehingga

RM30,000 kepada penerima isi rumah BR1M sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal akibat kemalangan;

- ^ Memberi bantuan persekolahan RM100 kepada setiap pelajar tanpa mengira pendapatan keluarga;
- ^ Memberi bantuan persekolahan murid sekolah dalam bentuk pemansuhan yuran persekolahan, bantuan makanan dan pinjaman buku teks serta insurans bas sekolah;
- ^ Memberi bantuan yuran taska sebanyak RM250 sebulan kepada keluarga berpendapatan rendah;
- ^ Meneruskan Program Baucar Buku 1Malaysia bernilai RM250 setiap pelajar institut pengajian tinggi bagi membantu mengurangkan kos pembelian buku dan peralatan pembelajaran;
- ^ Membuka lebih banyak pasar tani, pasar ikan, gerai buah, Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) serta jualan terus dari kilang bagi memastikan harga yang berpatutan untuk produk makanan dan keperluan asas;
- ^ Melaksanakan program penyeragaman harga di Sabah dan Sarawak di mana Kerajaan memberi bantuan dari segi kos penghantaran dan pengagihan;
- ^ Meneruskan subsidi, insentif dan bantuan lain seperti subsidi pertanian, pesawah, nelayan, pendidikan, kesihatan dan pengangkutan dengan peruntukan sebanyak RM39.4 billion pada 2014 (2013: 46.7 billion);
- ^ Menyediakan pelbagai bantuan secara tidak langsung dalam bentuk

perkhidmatan sosial dengan bayaran yang minimum atau percuma.

Contohnya, rawatan perubatan di klinik dan hospital Kerajaan, pendidikan di sekolah rendah, menengah dan di institusi pengajian tinggi awam serta biasiswa dan pinjaman pelajaran;

Membina rumah mampu milik bagi golongan miskin, berpendapatan rendah dan sederhana di seluruh negara di bawah Jabatan Perumahan Negara (Program Perumahan Rakyat, Program Perumahan Rakyat Disewa dan Perumahan Rakyat Bersepadu), Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB); dan

Memberi pelepasan cukai khas sebanyak RM2,000 ke atas pendapatan tahun 2013 yang akan memberi penjimatan bayaran cukai sehingga RM480.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Menangani Kos Sara Hidup Rakyat yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Jawatankuasa tersebut bertindak sebagai jawatankuasa pusat untuk menangani isu-isu kenaikan kos sara hidup rakyat dan harga barangan secara bersepadu.

Pada tahun 2015, satu jaringan keselamatan sosial (*social safety net*) yang

lebih menyeluruh akan diperkenalkan. Sehubungan dengan itu, Unit Perancang Ekonomi (EPU) sedang menjalankan kajian bagi mewujudkan sistem jaringan keselamatan sosial tersebut. Bagi tujuan ini, Kerajaan akan mewujudkan satu sistem pangkalan data yang komprehensif, termasuk mengintegrasikan data e-Kasih, data penerima bantuan kebajikan dan penerima BR1M bagi memastikan tiada pertindihan dan keciciran pemberian bantuan kepada golongan sasaran.

Tuan Yang di-Pertua,

Rasionalisasi subsidi bukanlah satu-satunya langkah bagi mengukuhkan kedudukan fiskal negara. Sebagai langkah awal, Kerajaan telah melaksanakan 11 langkah penjimatan bagi memastikan perbelanjaan yang lebih berhemat. Kesemua langkah ini dilaksanakan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2014 – “Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam” berkuatkuasa mulai 2 Januari 2014. Anggaran penjimatan perbelanjaan daripada 11 langkah tersebut adalah sebanyak RM400 juta bagi tahun 2014. Kerajaan juga telah menetapkan bahawa pengauditan ke atas projek yang melebihi

RM100 juta dilakukan semasa pelaksanaan projek bagi meningkatkan kecekapan perbelanjaan, terutamanya bagi projek yang berimpak tinggi.

Selain itu, bagi memastikan pembelian barangan dan perkhidmatan adalah berdasarkan nilai wang setimpal (*value for money*), Kerajaan telah mengetatkan prosedur perolehan Kerajaan dengan melaksanakan langkah-langkah berikut:

- i. Mengurangkan *threshold* bagi pembelian terus dari RM50,000 kepada RM20,000 bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan; dan
- ii. Mengurangkan siling bagi pembelian yang menggunakan Jadual Kadar (*Schedule of Rates*) daripada RM100,000 kepada RM50,000 bagi perolehan kerja.

Langkah ini dilaksanakan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2014 – “Langkah Penjimatan Dalam Perolehan Kerajaan: Had Nilai Pembelian Terus Bagi Bekalan & Perkhidmatan dan Had Nilai Kerja-Kerja *Requisition*” berkuatkuasa mulai 18 Februari 2014. Anggaran penjimatan perbelanjaan daripada langkah tersebut adalah sebanyak

RM320 juta bagi tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah-langkah yang telah dinyatakan tersebut jelas menunjukkan bahawa Kerajaan sentiasa perihatin terhadap kesejahteraan rakyat walaupun dalam melaksanakan langkah mengukuhkan kedudukan fiskal negara. Semua langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah bagi memastikan negara mencapai status negara maju berpendapatan tinggi dengan rakyat dapat menikmati kualiti hidup yang lebih baik.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTA JAM]**

TARIKH : 20 MAC 2014

RUJUKAN : 6529

SOALAN:

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pecahan bilangan pegawai polis mengikut bahagian Logistik, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Cawangan Khas, KDNKA, Narkotik dan Pengurusan di setiap negeri mengikut tahun dari 2008 sehingga kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah dimaklumkan bawah pecahan jumlah bilangan pegawai polis mengikut jabatan-jabatan dari tahun 2008 hingga 2013 adalah seperti jadual berikut:

BIL.	JABATAN	TAHUN					
		2008	2009	2010	2011	2012	2013
1.	Logistik	9,630	9,824	8,938	9,117	8,938	8,945
2.	Jabatan Siasatan Jenayah	7,868	8,066	8,499	8,756	8,821	9,254
4.	KDNKA	13,496	14,562	13,792	14,148	14,067	14,455
5.	Narkotik	3,024	3,201	3,488	3,499	3,571	3,578
6.	Pengurusan	27,128	30,804	35,385	37,903	37,596	38,566

Manakala bilangan pegawai polis mengikut Jabatan di setiap negeri bagi tahun 2013 adalah seperti di jadual berikut:

KONTIJEN	JABATAN				
	LOGISTIK	SIASATAN JENAYAH	KDNKA	SIASATAN JENAYAH NARKOTIK	PENGURUSAN
JOHOR	772	956	1,405	339	4,667
KEDAH	638	589	1,084	231	2,029
KELANTAN	518	377	694	188	1,714
K.LUMPUR	684	1,030	1,836	308	4,037
MELAKA	329	313	360	130	1,063
N.SEMBILAN	469	427	610	197	1,946
PAHANG	629	517	746	227	2,387
PERAK	996	810	1,537	354	3,758
PERLIS	231	157	587	111	675
P.PINANG	490	619	836	236	3,038
SELANGOR	1,032	1,617	2,259	481	6,645
TERENGGANU	487	350	483	168	1,422
SABAH	821	693	1,077	314	2,330
SARAWAK	849	799	941	294	2,855

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
(LANANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.03.2014

Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG] minta **MENTERI**

KEWANGAN menyatakan:-

(a) sama ada rakyat yang sedang menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

Juga layak memohon Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M); dan

(b) sama ada semua penerima bantuan JKM akan diberi insurans takaful yang ditawarkan

dalam BR1M secara automatik dan bilangan penerima bantuan JKM yang berjaya memohon

BR1M.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya untuk menjawab bersama soalan ini iaitu daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan soalan tersebut adalah Y Y.B.Gombak pada 20.03.2014, YB Lanang pada 20.03.2014 dan YB Bukit Bintang pada 25.03.2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah meneruskan sekali lagi Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M 2014) pada tahun 2014 sebagai usaha untuk membantu meringankan beban rakyat Malaysia terutama keluarga yang berpendapatan rendah serta selaras dengan peralihan kepada dasar pelaksanaan subsidi bersasar. Pada BR1M 2014, beberapa kriteria telah ditambah baik merangkumi seperti berikut:

- 1) bagi kategori isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah, nilai bantuan ditingkatkan daripada **RM500 kepada RM650**.
- 2) sebagai tambahan, kategori bantuan juga **diperluaskan** kepada isi rumah berpendapatan bulanan di antara **RM3,001 hingga RM4,000 dengan nilai bantuan RM450**.

3) memperkenalkan **caruman i-BR1M** bernilai RM50 **kepada** penerima **isi rumah** BR1M dengan nilai **perlindungan maksimum sehingga RM30,000** sekiranya berlaku **kematian atau hilang upaya kekal menyeluruh akibat kemalangan. Jika Kematian biasa, Khairat Kematian adalah RM1000.00..**

i) Tempoh perlindungan i-BR1M adalah bermula dari 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014; dan

ii) Perlindungan takaful diberi kepada penerima isi rumah sahaja;

4) **warga emas sebatang kara** (berumur 60 tahun dan ke atas) menerima kenaikan jumlah BR1M iaitu daripada **RM500 kepada RM650** bagi yang berpendapatan dibawah RM3,000 dan turut menerima bantuan BR1M RM450 bagi yang berpendapatan antara RM3,001 hingga RM4,000.

5) bagi kategori **bujang** berumur 21 tahun dan ke atas berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah, bantuan ditingkatkan daripada **RM250 kepada RM300.**

Tuan Yang di-Pertua,

Semua rakyat Malaysia layak untuk memohon bantuan BR1M walaupun mereka juga adalah penerima bantuan sedia ada seperti penerima bantuan Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM), e-Kasih dan juga masyarakat Orang Asli yang berdaftar dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

Pada tahun 2012, penerima BR1M 2012 adalah seramai 4.2 juta orang dengan peruntukan sebanyak RM2.1 bilion, manakala penerima tahun 2013 BR1M 2.0 adalah seramai 6.8 juta orang dengan peruntukan sebanyak RM3 bilion. Bagi tahun 2014, BR1M 2014 dijangka akan memanfaatkan hampir 7.9 juta penerima dengan anggaran peruntukan sebanyak RM4.5 bilion. Sehingga 3 Mac 2014, sebanyak 8.1 juta permohonan telah diterima di mana sebanyak 6 juta permohonan telah diluluskan melibatkan peruntukan sebanyak RM3 bilion manakala baki 2.1 juta permohonan masih sedang diproses. Daripada jumlah yang diluluskan, seramai 3.8 juta adalah penerima isi rumah manakala baki 2.2 juta adalah penerima individu bujang.

Untuk makluman juga, pemberian BR1M adalah bermatlamat untuk

membantu meringankan beban hidup rakyat berpendapatan rendah dan mengimbangi kenaikan harga barangan. Bantuan ini telah dapat meringankan beban rakyat dalam membantu mereka membayar utiliti, ubat-ubatan, pakaian, membeli barangan keperluan harian seperti beras, ikan, daging, sayur-sayuran dan lain-lain.

Tuan Yang Dipertua,

Bantuan BR1M yang diberikan adalah secara menyeluruh kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik. Kejayaan program BR1M adalah hasil kekukuhan ekonomi negara dan kemampuan mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap. Kerajaan sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan adalah secara berhemah serta dapat memberi manfaat dan pulangan kepada rakyat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

TARIKH : 20 MAC 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Ng Wei Aik [TANJONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini dan sebab-sebab penswastaaan Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) tidak dapat disempurnakan sehingga hari ini. Bilakah projek pengorekan dasar laut akan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan atau PPSB.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, syarikat Seaport Terminal (Johore) Sdn. Bhd. telah diperakukan sebagai pembida yang berjaya bagi cadangan penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang melalui pemilikan ekuiti di dalam Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) setelah cadangan syarikat, bersama-sama dengan 4 syarikat lain dinilai daripada aspek teknikal dan kewangan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Kewangan yang dianggotai oleh wakil-wakil kementerian dan agensi yang berkenaan. Perolehan ini telah dibuat secara tender terhad (*restricted tender* – dengan izin).

Tuan Yang di-Pertua,

Rundingan mengenai terma-terma perjanjian telah dimuktamadkan dan Perjanjian Tambahan (Supplemental Agreement) Penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang telah ditandatangani pada 23 November 2013 antara pihak Kerajaan yang diwakili oleh Kementerian Pengangkutan dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dengan pihak syarikat.

Antara obligasi syarikat adalah melaksanakan tanggungjawab sosialnya untuk menyediakan kemudahan pengangkutan feri yang memerlukan kos yang besar, di mana syarikat terpaksa menanggung kerugian kira-kira

RM16 juta pada setiap tahun. Selain itu, syarikat juga perlu mengambil alih beban hutang PPSB melebihi RM1.2 bilion, menanggung kos pelaksanaan kerja-kerja pengerukan utama (capital dredging – dengan izin) dari 11.5 meter kepada 14.5 meter dan membuat suntikan modal (cash injection – dengan izin) bagi menyokong pembangunan di pelabuhan berkenaan.

Setakat ini, syarikat telah membuat bayaran tunai kepada Kerajaan bagi pemilikan ekuiti di dalam PPSB pada 19 November 2013. Pada masa ini, proses transfer of shares (dengan izin) sedang dalam tindakan Kementerian Kewangan dan syarikat.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [KOTA KINABALU]
TARIKH : 20 MAC 2014 (KHAMIS)
SOALAN : Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan mengapa terdapat perbezaan subsidi beras antara Sabah (RM600) dan Semenanjung Malaysia (RM750). Adakah subsidi beras tersebut bertujuan untuk membantu petani, pemborong atau pengilang beras.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Perbezaan kadar subsidi beras tempatan antara Sabah iaitu RM600 bagi setiap tan metrik dan di Semenanjung iaitu RM750 bagi setiap tan metrik adalah disebabkan oleh kualiti beras di Sabah yang lebih rendah berbanding beras di Semenanjung. Kandungan hancur beras di Sabah adalah melebihi 25% berbanding dengan beras yang dikeluarkan oleh pengilang di Semenanjung di mana kandungan hancurnya adalah 15%.

Pemberian subsidi sebanyak RM600 ini diberikan kepada pengilang padi di Sabah bertujuan untuk memenuhi permintaan pengguna terhadap beras pada harga murah, memastikan harga belian padi oleh pengilang kepada petani pada kadar yang bersesuaian dan munasabah serta menampung kerugian pengilang untuk mengeluarkan beras tempatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]

TARIKH : 20 MAC 2014

RUJUKAN : 6530

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) memandangkan media melaporkan terdapat hampir 1,500 orang Mat Rempit mengadakan perhimpunan dan perlumbaan haram di Batu Feringghi Pulau Pinang pada Januari 2014 yang lalu. Adakah aktiviti ini dalam pengetahuan PDRM, jika ya adakah aktiviti ini dibenarkan di sisi undang-undang; dan
- (b) adakah Kerajaan berhasrat menggunakan khidmat Cawangan Khas PDRM bagi mengenal pasti ketua-ketua pasukan mat rempit ini dan mengambil tindakan awal menahan dan membuat siasatan atas kegiatan mereka.

Statistik operasi yang dijalankan seperti berikut:-

BIL.	PERKARA	
1.	Jumlah Operasi	14
2.	Jumlah Pemeriksaan	809 Orang
3.	Jumlah Saman Dikeluarkan	287
4.	Jumlah M/Sikal Yang Disita	31
5.	Jumlah Ujian Saringan Air Kencing	135 Orang
6.	Hasil Ujian Negatif	130 Orang
7.	Hasil Ujian Positif	5 Orang

Bagi menjawab soalan (b), pihak polis sememangnya telah mengamalkan perkongsian maklumat antara jabatan, ini telah dilaksanakan dengan penubuhan *Criminal Intelligence Unit* (CIU) untuk mengumpul, menyimpan, menilai segala maklumat yang diperolehi termasuk maklumat dari Cawangan Khas berkaitan jenayah dan aktiviti yang negatif selain daripada maklumat keselamatan yang diurus sendiri oleh cawangan khas.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI
(BAGAN SERAI)
TARIKH : 20 MAC 2014 (KHAMIS)
SOALAN : 63

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan **apakah usaha serius Kementerian untuk mengkomersialkan penggunaan teknologi sensor dan teknologi nano** dalam pelbagai bidang seperti keselamatan, alam sekitar, makanan, pertanian dan perubatan demi memberi manfaat kepada industri tersebut dalam negara dan juga rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sejak daripada awal penubuhannya, sentiasa memberikan galakan dan bantuan bagi meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan di negara ini dengan penekanan terhadap pengkomersilan. Usaha ini diharapkan dapat menyumbangkan ke arah peningkatan produktiviti, daya saing serta rangkaian nilai ekonomi negara dan menjana kekayaan.

MOSTI turut komited memberi fokus kepada pengkomersilan R&D dan teknologi dengan melancarkan tahun 2014 sebagai Tahun Pengkomersilan MOSTI 2014 (MCY 2014).

Tuan Yang di-Pertua,

Pengkomersilan bidang teknologi nano dibuat secara khusus menerusi agensi NanoMalaysia Berhad bagi menjalankan aktiviti-aktiviti pra-pengkomersilan, pengkomersilan dan penembusan pasaran tempatan serta global ke atas hasil produk-produk R&D berteraskan teknologi nano. Bagi maksud ini, NanoMalaysia Berhad telah diberikan *launching grant* sebanyak RM7 juta dari siling peruntukan sebagai modal permulaan operasi.

Bagi memastikan teknologi nano dapat dikomersilkan dengan jayanya, NanoMalaysia Berhad (NMB) telah mula menjalankan aktiviti-aktiviti pemudah cara bagi teknologi, pelaburan dan perundingan di antara industri dan pusat penyelidikan/ universiti. Untuk menggalakkan lagi penggunaan teknologi nano, NanoMalaysia telah merangka sebuah program iaitu iNanovation yang memberi fokus kepada industri, perusahaan kecil dan sederhana (SME) serta syarikat-syarikat permulaan yang terdiri daripada tiga (3) platform iaitu:

i. iNanovation Push;

Merupakan skim modal usaha yang membiayai aktiviti-aktiviti seperti pengujian dan uji kaji lapangan, persijilan, penjenamaan dan pemasaran.

ii. iNanovation Triplex;

Merupakan skim yang direka bentuk berdasarkan platform triple-helix yang mengkomersilkan aktiviti-aktiviti R&D yang dilaksanakan oleh institut-institut penyelidikan/universiti dengan kerjasama industri, SME dan serta syarikat-syarikat permulaan.

iii. iNanovation Switch.

Merupakan skim modal usaha yang dirangka bagi membolehkan industri, SME dan syarikat-syarikat permulaan menambah baik proses pengeluaran konvensional sedia ada kepada proses teknologi nano.

Tuan Yang di-Pertua

Merujuk kepada soalan berhubung pengkomersilan penggunaan teknologi sensor, MOSTI telah membiayai beberapa penyelidikan di dalam bidang biosensor yang melibatkan beberapa institusi penyelidikan dan universiti tempatan. Antara institusi penyelidikan yang terlibat dalam penyelidikan biosensors ini adalah SIRIM Berhad, MIMOS, MARDI, UPM, UKM, USM dan UTM.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe-9) dan Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10), sebanyak 80 projek berjumlah RM17.43 juta telah diperuntukkan menerusi pelbagai projek teknologi sensor yang dibiayai menerusi dana ScienceFund. Sebanyak 8 projek berjumlah RM14.66 juta telah dibiayai menerusi dana Pra Pengkomersilan (TechnoFund) dan sebanyak 7 projek berjumlah RM11.21 juta telah dibiayai menerusi dana Pra Pengkomersilan (InnoFund).

Menerusi agensi SIRIM, aktiviti penyelidikan, pembangunan serta pengkomersilan (R,D&C) yang dilaksanakan adalah meliputi bidang seperti berikut iaitu:

i. Bidang alam sekitar yang melibatkan:

- *Industrial Biosensor Development*
- *Biosensor for phenolic compounds*
- *Optical sensor for ammonium detection in agricultural industries*
- *Development of enzyme based biosensor for the detection of ammonia and heavy metal in water and soil*
- *Biosensor for the determination of ammonium in aquaculture industries*

ii. Di dalam bidang perubatan yang melibatkan:

- *Development of quantum dots-enzyme hybrid system for the determination of uric acid*
- *Multifunctional nanofluidic biochip for dengue detection utilizing silicon nanostructure*
- *Preparation of core-shell quantum dots for glucose monitoring*

Berhubung inisiatif pengkomersilan, SIRIM telah menjalankan ujian *proof-of-concept* bagi *dengue* dan *uric acid sensors* sebelum proses penskalaan dan ujian klinikal dan seterusnya fasa pra-pengkomersilan.

Selain itu, MARDI juga telah menyumbang kepada penyelidikan di dalam bidang keselamatan makanan dan pengkomersilan menerusi projek seperti berikut iaitu *Development of Salmonella kit* dan *Development of Pesticide kit*.

Menerusi MIMOS, pelbagai jenis teknologi sensor juga telah dibangunkan dan dikomersilkan dalam sektor pertanian (kelapa sawit), akuakultur dan alam sekitar seperti:

- i. Sensor yang berupaya mengukur tahap pH (tahap *acidity* atau *basicity* dalam larutan), suhu dan lembapan telah di bangun untuk digunakan dalam rumah tanaman (greenhouse) sejak tahun 2010 di dalam pelbagai projek pertanian.
- ii. Sensor yang berupaya mengukur tahap pH, suhu, dan oksigen terlarut juga telah dibangunkan dan digunakan bagi kegunaan dalam sektor akuakultur semenjak dari tahun 2013.
- iii. Sensor yang berupaya mengukur tahap pH, kemasinan dan oksigen terlarut telah dibangunkan untuk kegunaan dalam sektor alam sekitar.

Selain daripada itu, MIMOS juga sedang menjalankan kajian feasibiliti ke atas sensor kesihatan untuk mengukur aliran darah tanpa intrusif (*non-intrusive blood flow*) dengan kerjasama Pusat Perubatan Universiti Malaya dan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia sejak 2013 lagi.

Secara umumnya, MOSTI akan terus menumpukan usaha untuk meningkatkan kadar pengkomersilan teknologi dan produk khususnya kepada R&D yang telah menerima peruntukan dana MOSTI dan agensi MOSTI di bawah RMKe-9 dan RMKe-10.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]

TARIKH : 20 MAC 2014 (KHAMIS)

SOALAN : 64

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sama ada pencapaian paling teruk Malaysia di Indeks Kebebasan Media Sedunia 2014-2017 - kita berada di tempat ke 147 daripada 180 negara yang dikaji, lebih rendah kedudukannya daripada Myanmar adalah selaras dengan dakwaan beliau bahawa Malaysia adalah satu demokrasi terbaik di dunia dan apakah respons Kerajaan terhadap pencapaian berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

World Press Freedom Index oleh *Reporters Without Borders* (RWB), telah menarafkan Malaysia pada kedudukan 147 daripada 180 negara pada tahun 2014 berbanding 145 daripada 179 negara pada tahun 2013. Walau bagaimanapun kedudukan ini tidak melambangkan situasi sebenar kebebasan media di Malaysia.

Kajian penarafan ini hanya merangkumi perspektif pelbagai kebebasan media, persekitaran media, *self-censorship*, perundangan, ketelusan

dan infrastruktur media. Turut diambil kira adalah soal pelanggaran hak wartawan, *netizen*, jurugambar, dan jurukamera. Kriteria-kriteria yang diambil kira memandangkan dari sudut kebebasan media “mutlak” sedangkan dalam amalan demokrasi, sesebuah negara masih memerlukan kepada pemantauan. Kebebasan itu juga perlu disertakan dengan tanggungjawab. Undang-undang media dan interpretasinya bagi setiap negara adalah berbeza begitu juga di Malaysia. Di Malaysia, organisasi media mengamalkan *social responsibility system*, iaitu mereka mempunyai tanggungjawab memainkan peranan dalam membangunkan kesejahteraan rakyat.

Namun sejak kebelakangan ini, kebebasan media agak tersekat, bukan kerana kongkongan Kerajaan sebaliknya ancaman saman demi saman oleh sesetengah pemimpin pembangkang yang seolah-oleh mahu menutup mulut organisasi media daripada membuat laporan yang tidak memihak kepada mereka.

Selain itu, kewujudan pelbagai media konvensional dan media baharu seperti blog, portal berita, youtube, facebook tanpa sekatan membuktikan Malaysia bersikap terbuka dalam penyaluran maklumat selagi tidak menggugat dan mengancam keharmonian dan keselamatan Negara. Kesimpulannya, *World Press Freedom Index* oleh RWB ini bukanlah kayu pengukur yang boleh melambangkan keadaan sebenar kebebasan media di Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SEAH LEONG PENG
[TELOK INTAN]**

TARIKH : 20 MAC 2014

RUJUKAN : 6531

SOALAN:

Tuan Seah Leong Peng [Telok Intan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) selepas 6P, berapakah jumlah pekerja asing yang telah didaftarkan dan berapakah anggaran pekerja asing yang masih tidak berdaftar lagi; dan
- (b) mengapa terdapat lambakan pekerja asing dari Negara China bekerja di bidang perkhidmatan refleksologi sedangkan pekerja dari Negara China dan sektor refleksologi tidak tersenarai dalam negara sumber dan sektor yang dibenarkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Seramai 1,015,852 PATI telah mendaftar bagi tujuan bekerja di bawah Program 6P. Bagaimanapun, daripada jumlah tersebut seramai 519,499 PATI telah dibenarkan untuk bekerja di bawah Program 6P dan Program Khas Pengurusan PATI (PKPP). Tempoh penggajian yang dibenarkan di bawah program-program tersebut adalah 3 tahun untuk sektor yang dibenarkan dan 2 tahun bagi sektor beku dan luar dasar. Sehubungan itu, baki PATI yang tidak memperolehi kebenaran bekerja semasa program tersebut akan diambil tindakan penguatkuasaan.**

- (b) Berdasarkan Statistik PLKS Aktif Sehingga 31 Januari 2014, tidak terdapat lambakan pekerja asing dari Negara China bekerja di bidang perkhidmatan refleksologi seperti mana yang didakwa. Namun hanya sebilangan kecil sahaja yang dibenarkan untuk bekerja di sub sektor perkhidmatan refleksologi sebelum ianya dibekukan pada 22 Januari 2009. Sehubungan itu, masih terdapat warga China yang bekerja dalam sektor berkenaan kerana tempoh penggajian pekerja asing dibenarkan sehingga maksimum 10 tahun.**

Pada masa ini, pekerja asing dari negara China bukanlah merupakan negara sumber yang dibenarkan untuk pengambilan pekerja asing. Bagaimanapun, Kerajaan telah membuka semula sub sektor perkhidmatan refleksologi yang

sebelum ini dibekukan dan membenarkan pengambilan pekerja asing dari negara sumber yang dibenarkan sahaja. Agensi Kawal Selia yang bertanggungjawab dalam mengawal selia sub sektor ini adalah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan tempoh pembukaan sub sektor ini adalah hanya untuk mengisi keperluan guna tenaga sehingga tahun 2016 sahaja.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN V. SIVAKUMAR [BATU GAJAH – DAP]

TARIKH : 20 MAC 2014 (KHAMIS)

SOALAN (NO. 66)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian bagi mengenal pasti bakat-bakat baru dalam sukan mempertahankan diri karate-do, tekwando, silat, silambam, wushu dan sebagainya. Berapakah jumlah yang diperuntukkan bagi tujuan tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Institut Sukan Negara (ISN) telah dan sedang menjalankan program pengenalpastian bakat bagi melahirkan bakal-bakal atlet yang akan mewarisi generasi atlet yang ada pada masa kini. Setakat ini, ISN telah berjaya menguji seramai 250,000 orang peserta dari pelbagai latar belakang sukan dari tahun 2007 sehingga 2013 yang merangkumi peserta berumur daripada 6 tahun sehingga 18 tahun. Jumlah peserta yang diuji bagi sukan tempur adalah seramai 2,323 peserta.
2. Sukan-sukan ini juga telah pun disenaraikan ke dalam program-program yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara sama ada program latihan atlet elit serta atlet pelapis diperingkat kebangsaan dan negeri.
3. Melihat kepada kepentingan sukan tempur dalam ekosistem sukan Malaysia, yang mana karate do telah menjadi penyumbang pingat emas kedua terbesar dalam Sukan SEA pada 2013. Sebagai penyelesaiannya, ISN mengambil langkah yang serius melalui program yang telah dan sedang dijalankan seperti program Cari Juara di mana objektifnya untuk menempatkan peserta yang dipilih melalui ujian TID di pusat-pusat latihan yang dikawal selia oleh pihak *stakeholder*. Peserta-peserta yang terpilih akan mengikuti latihan-latihan yang akan diberikan oleh jurulatih-jurulatih yang bertauliah. Bagi tahun 2013 sahaja seramai 577 orang peserta

telah menyertai program ini. Jumlah ini akan dipertingkatkan lagi pada tahun 2014 bagi memastikan bakat-bakat bagi sukan tempur ini tidak disia-siakan. Bagi mengenal pasti bakat-bakat baru, sukan ini juga wajib dipertandingkan di dalam Sukan Malaysia sebagai acara sukan wajib.

4. Kerjasama erat di antara Kementerian Pendidikan Malaysia, Institut Sukan Negara, Majlis Sukan Negara (MSN), Persatuan Sukan Kebangsaan serta pihak berkuasa tempatan untuk melaksanakan program pembangunan sukan di peringkat negeri merangkumi proses mengenalpasti bakat-bakat baru untuk diketengahkan bermula dari peringkat akar umbi. Sehingga 2013, sebanyak RM75,270.00 telah diperuntukkan untuk sukan tempur.
5. Selain itu, penubuhan Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri untuk membantu negeri melaksanakan program pembangunan sukan serta mempromosikan dan memperkembangkan sukan-sukan ini di sekolah-sekolah melalui program Pelapis Negeri serta Program Penggalakan Sukan. Sebanyak RM396,500.00 telah diperuntukkan untuk tahun 2014 bagi sukan taekwondo dan wushu.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
TARIKH : 20.03.2014
SOALAN :

Y.B. Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah gerakan penentangan oleh guru-guru terhadap Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Adakah perbincangan telah dibuat dengan kumpulan penentang ini dan apakah hasilnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa terbuka menerima pandangan dan cadangan ke arah penambahbaikan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Namun, pandangan dan idea tersebut perlulah disalurkan dengan cara yang profesional dan berhemah. Pihak KPM telah mengenal pasti kumpulan guru yang dikatakan sebagai gerakan penentang kepada PBS.

Pihak KPM telah mengadakan perbincangan bersama-sama dengan wakil kumpulan tersebut pada bulan Disember 2013 dan penjelasan yang menyeluruh telah diberikan kepada beliau. Malahan, KPM juga telah meminta kumpulan tersebut bekerjasama dengan memberi tugas kepada ketua kumpulan guru tersebut menyediakan video mengenai PBS bagi tujuan memaklumkan mengenai PBS daripada perspektif masyarakat muda. Pihak KPM sentiasa memantau pergerakan kumpulan ini dari masa ke semasa. Kumpulan ini juga

dinasihatkan agar berfokus kepada tugas sebagai pendidik dan tidak mengabaikan tanggungjawab mereka di sekolah.

Kementerian yakin dengan pengumuman penambahbaikan PBS oleh YAB Menteri Pendidikan pada 18 Mac 2014 yang lalu, ianya dapat merungkai masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam melaksanakan PBS.

Rjm52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI]

TARIKH : 20 MAC 2014

RUJUKAN : 6532

SOALAN:

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah proses pengendalian permohonan pas lawatan kepada pemilik kad pengenalan merah boleh dipermudahkan khasnya kepada tujuan pembaharuan (*renewal*) tanpa melalui proses ulangan seperti seolah-olah satu permohonan baru yang menyulitkan pemohon kategori ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Setiap warga asing yang telah dikeluarkan dengan Permit Masuk dan kemudiannya mendapat taraf Pemastautin Tetap serta memegang Kad Pengenalan Merah (MyPR) tidak lagi memerlukan kepada Pas Lawatan bagi tujuan keberadaan di Malaysia. Setiap warga asing hanya dibenarkan memiliki satu dokumen imigresen pada satu-satu masa dan Permit Masuk merupakan dokumen imigresen yang sah bagi pemegang MyPR.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **YB DATO' KAMARUDIN BIN**
JAAFAR
[Tumpat]

TARIKH : **20 Mac 2014**

SOALAN : **YB Dato' Kamarudin bin Jaafar**
[Tumpat] minta **MENTERI LUAR**
NEGERI menyatakan kenapa
tugas kedutaan Malaysia untuk
Palestin di tanggung oleh
Kedutaan kita di Mesir dan tidak
melalui kedutaan khusus di bumi
Palestin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada **Yang** Berhormat Tumpat di atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Sebagai mana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bumi Palestin masih diduduki secara haram oleh rejim Israel dan mereka juga masih menakluki Ibu Kota Palestin iaitu Baitulmaqdis/Jerusalem/Al-Quds. Keadaan ini menyukarkan Kerajaan Malaysia untuk menempatkan Pejabat Perwakilan Malaysia di sana.

3. Kerajaan Malaysia sememangnya telah lama berhasrat untuk membuka Pejabat Perwakilan Malaysia di Palestin. Walaupun pihak Berkuasa Kebangsaan Palestin (*Palestinian National Authority* - PNA) pernah menawarkan supaya Kerajaan Malaysia menubuhkan pejabat perwakilan di Palestin, mereka telah meminta supaya Malaysia menangguhkan buat sementara cadangan tersebut atas risiko keselamatan. Negara-negara ASEAN yang turut menganggotai OIC seperti Indonesia dan Brunei juga sehingga hari ini masih belum membuka Kedutaan masing-masing di Palestin di atas sebab yang sama.

4. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga, adalah menjadi amalan biasa sesebuah Pejabat Perwakilan ditauliahkan secara serentak ke satu atau beberapa negara yang lain. Justeru, Kerajaan Malaysia sejak 12 Jun 2013 telah memutuskan supaya

Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah, Mesir ditauliahkan secara serentak ke Palestin. Kedudukan Kaherah, Republik Arab Mesir dari segi geografi yang bersempadan dengan Palestin (Semenanjung Gaza) secara tidak langsung akan memudahkan pemantauan ke atas badan bukan kerajaan (NGO) atau/dan individu perseorangan Malaysia yang ingin menyalurkan bantuan kemanusiaan ke Palestin.

5. Keputusan Kerajaan Malaysia tersebut juga boleh dianggap sebagai langkah yang cukup penting dalam hubungan dua hala antara Malaysia dan Palestin, selaras dengan komitmen dan usaha berterusan Kerajaan untuk memperkukuhkan lagi hubungan baik yang sedia terjalin. Oleh itu, Kerajaan Malaysia akan terus mengambil langkah susulan bagi merealisasikan hasrat penubuhan pejabat Perwakilan Malaysia di Palestin pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN
(BANDAR KUCHING)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.03.2014

Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI**

KEWANGAN menyatakan apakah syarat-syarat terperinci mengenai pinjaman *off-shore* sejumlah US\$1.6 bilion yang dipinjam oleh Kerajaan Negeri Sarawak melalui syarikat-syarikat subsidiarinya yang pinjaman itu diuruskan melalui bank-bank *off-shore* Labuan dalam tahun 2011 dan 2012. Apakah pengurusan dan penggunaan wang pinjaman itu diselia oleh Audit Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Sarawak pernah menerbitkan bon berjumlah USD1.6 bilion melalui Equisar International Incorporated bernilai USD800 juta dan SSG Resources Ltd 2012 bernilai USD800 juta. Kedua-dua syarikat tersebut adalah Syarikat Tujuan Khusus (*Special Purpose Vehicle*) yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990. Terbitan bon tersebut diuruskan dan diketuai oleh Goldman Sachs sebagai pengurus dan “bookrunner”.

2. Bon-bon tersebut telah disenaraikan di Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan (*Labuan International Financial Exchange - LFX*) dan pekeling tawaran sekuriti juga turut dipaparkan dalam laman web LFX untuk pihak awam.

3. Mengikut pekeling tawaran sekuriti, hasil perolehan dana dari terbitan bon itu digunakan untuk membiayai projek-projek Kerajaan Negeri Sarawak iaitu:

a. pelaburan dalam projek strategik di *Sarawak Corridor of Renewable*

Energy (“SCORE”);

b. pelaburan dalam projek pembangunan strategik di Tanjung Manis Halal Hub;

dan

c. pelaburan dalam pembangunan Sektor Biotek.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, pekeliling tawaran sekuriti menjelaskan secara terperinci tujuan terbitan bon tersebut. Oleh yang demikian Yang Berhormat boleh menyemak dengan melayari laman sesawang LFX.

5. Mengenai pengurusan dana, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) sentiasa memantau aktiviti-aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh syarikat-syarikat Labuan termasuk institusi kewangan agar tahap pematuhan adalah baik serta mematuhi piawaian dan amalan berhemah antarabangsa. Dalam pada itu, Jabatan Audit Negara juga turut memantau pengurusan dan penggunaan wang pinjaman oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Ini adalah penting bagi memastikan perniagaan yang disalurkan menerusi Pusat Kewangan dan Perniagaan Labuan adalah sah dan bersih.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN GOBIND SINGH DEO
KAWASAN : PUCHONG
TARIKH : 20 MAC 2014, KHAMIS

SOALAN:

YB. TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Pusat untuk memastikan dana yang dikeluarkan oleh Kerajaan untuk membaik pulih jalan-jalan Persekutuan dalam kawasan Parlimen Puchong diguna pakai dengan cepat dan efektif.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan semakan kementerian ini terdapat hanya satu Jalan Persekutuan sahaja yang diwartakan di dalam kawasan Parlimen Puchong iaitu Jalan Persekutuan FT 217 yang menghubungkan Sungai Besi ke Puchong sepanjang 4 km.. Kerja-kerja menyelenggara jalan tersebut dilaksanakan oleh syarikat konsesi yang dilantik iaitu Roadcare (M) Sdn. Bhd. di mana kerja-kerja penyenggaraan perlu mematuhi tempoh masa yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Kerja-kerja penyenggaraan ini perlu disahkan oleh Jabatan Kerja Raya sebelum pembayaran dibuat kepada syarikat konsesi berkenaan.

Manakala jalan-jalan utama di kawasan Parlimen Puchong terdiri daripada lebuh raya bertol, iaitu Lebuh raya Damansara – Puchong (LDP), Lebuh raya Shah Alam (KESAS) dan Lebuh raya Lembah Klang Selatan (SKVE) yang diselenggara masing-masing oleh syarikat konsesi lebuh raya berkenaan. Di samping itu untuk jalan-jalan negeri pula, peruntukan untuk menyelenggara adalah terletak di bawah Kerajaan Negeri Selangor menerusi geran peruntukan MARRIS dari Kerajaan Pusat.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG]

TARIKH : 20 MAC 2014

RUJUKAN : 6695

SOALAN:

Tuan Liew Chin Tong (Kluang) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes pemintasan e-mel, telekomunikasi dan pos dalam pecahan ahli politik, suspek jenayah dan orang awam oleh pihak kuasa di bawah peruntukan undang-undang pada tahun 1998 hingga 2014.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Fungsi utama Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK), PDRM adalah menjalankan penyiasatan, menangkap, dan mendakwa penjenayah kolar putih yang melakukan kesalahan penipuan, pecah amanah jenayah, pemalsuan jenayah siber dan lain-lain lagi samada kegiatan tersebut dilakukan oleh orang perseorangan mahupun secara bersindiket.

JSJK,PDRM juga bertanggungjawab ke atas kes-kes yang mempunyai hubung kait dengan jenayah pemintasan telekomunikasi termasuk e-mel, telekomunikasi dan pos yang tertakluk di bawah Akta Kanun Keseksaan.

Pihak JSJK, PDRM telah membuat pelbagai method atau kaedah dari semasa ke semasa bagi membongkar pelbagai taktik usaha pintasan telekomunikasi antaranya pintasan cek, pintasan kad sim bagi tujuan penipuan transaksi perbankan internet dan sebagainya yang melibatkan jumlah kerugian yang tinggi. Siasatan mendapati kebanyakan suspek yang terlibat dalam kes pintasan telekomunikasi ini mempunyai kepakaran dalam menggodam akaun perbankan internet serta e-mel mangsa bagi mendapatkan nama serta kata laluan. Selain itu, terdapat juga kes di mana mangsa-mangsa diperdaya untuk membuat pembayaran ke atas akaun-akaun yang bukan berkaitan dengan urusan mangsa.

Berdasarkan statistik JSJK, PDRM dari tahun 2007 hingga 2013, jumlah kes pemintasan e-mel, telekomunikasi dan pos telah mencatatkan jumlah yang tertinggi sebanyak 94 kes dengan jumlah kerugian sebanyak RM12,539,093.26 pada tahun 2013. Jumlah tersebut telah menunjukkan peningkatan sebanyak 2.7 peratus berbanding sebanyak 32 kes yang mencatat jumlah kerugian sebanyak RM 4,636,487.83 pada 2012. Pada 2011, jumlah kes telah dicatatkan adalah 5 kes dengan jumlah kerugian sebanyak RM960,150.00.

Walau bagaimanapun, JSJK, PDRM tidak menyimpan statistik jenis suspek yang terlibat dalam jenayah pemintasan telekomunikasi sama ada terdiri daripada ahli politik ataupun orang awam.

Siasatan dan risikan akan sentiasa dibuat dari semasa ke semasa bagi mematahkan aktiviti pemintasan e-mel, telekomunikasi dan pos daripada terus berleluasa melalui kesepaduan kerjasama antara Kerajaan, pihak swasta dan rakyat. Kerajaan akan sentiasa melipat gandakan usaha untuk membanteras aktiviti-aktiviti sebegini bagi memastikan keselamatan rakyat sentiasa terpelihara sepenuhnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU
KAWAN]**

TARIKH : 20.03.2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan bagi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia tahun 2000 hingga 2014 serta justifikasi peningkatan dalam peruntukan belanjawan SPRM walhal kes rasuah masih meningkat.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak penubuhan SPRM dari tahun 2009, keprihatinan kerajaan dalam usaha membanteras rasuah telah menyaksikan peruntukan kewangan ditambah dari semasa ke semasa. Dalam usaha memerangi jenayah rasuah secara menyeluruh, peruntukan kewangan yang mencukupi diperlukan sebagai sokongan kepada pengurusan operasi dan pencegahan rasuah. Ini merangkumi keperluan operasi, perisikan, pencegahan, latihan dan pendidikan masyarakat. Pertambahan peruntukan ini adalah sejajar dengan pertambahan keanggotaan, logistik seperti bangunan sendiri dan kos sara hidup semasa.

Tahun	Jumlah Peruntukan Diluluskan (RM)
2009	161,032,700.00
2010	156,845,500.00
2011	202,280,000.00
2012	211,288,500.00
2013	251,672,000.00

Setakat ini, tidak ada sebarang ukuran yang dapat menyatakan bahawa rasuah di Malaysia makin meningkat. Indeks-indeks yang digunakan seperti Indeks Persepsi Rasuah (CPI) tidak memberi gambaran sebenar samada rasuah di Malaysia makin meningkat atau menurun. Peningkatan atau penurunan jumlah maklumat yang diterima, tangkapan atau pertuduhan bukanlah satu pengukuran mutlak untuk menunjukkan tahap rasuah di negara ini.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN
MOHD HARUN NARRASHID
[KOTA TINGGI]**

TARIKH : 20 MAC 2014

SOALAN :

YB. Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mewujudkan satu program khas untuk menarik minat para pelancong melawat tempat-tempat menarik di Parlimen Kota Tinggi sempena Tahun Melawat Malaysia 2014.

Januari 2014 di mana ianya berjaya menarik penyertaan seramai 100 orang peserta antarabangsa;

- (ii) **Desaru-Sedili Cycosport Cycling Challenge, Kota Tinggi** yang melibatkan penyertaan hampir 600 pelumba antarabangsa daripada Australia, Indonesia, Singapura, German dan beberapa negara Asia.
- (iii) **Desaru International Triathlon, Kota Tinggi** yang menghimpunkan lebih daripada 500 peserta dalam dan luar di mana Desaru adalah merupakan lokasi rasmi; dan
- (iv) **Malaysia Rally FIA Asia Pacific Rally Championship 2014** yang akan berlangsung pada 15-17 Ogos 2014 dimana Kota Tinggi merupakan antara sirkit wajib.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Datuk Rozman bin Isli [Labuan]**
TARIKH : **20.03.2014**
SOALAN :

Y.B. Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berdasarkan status Kolej Vokasional Labuan yang pada masa ini sedang menghadapi kekurangan asrama sementara pelajar, adakah rancangan untuk membaiki dua (2) blok asrama sedia ada untuk boleh dihuni kembali dalam tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Transformasi Pendidikan Vokasional telah bermula pada tahun 2012 dengan pelaksanaan 15 buah Kolej Vokasional (KV) Rintis. KV Labuan, Sabah adalah KV rintis yang mewakili negeri Sabah.

Pada masa ini, asrama KV Labuan dihuni oleh pelajar Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3. Berbanding dengan sebelum ini (semasa Sekolah Menengah Vokasional) asrama ini dihuni oleh murid Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 sahaja. Penempatan pelajar di asrama berdasarkan jarak rumah dari sekolah. Justeru itu, pelajar yang tinggal berdekatan dengan sekolah tidak ditempatkan di asrama bagi mengelakkan kesesakan.

Kementerian sentiasa berusaha untuk memastikan setiap projek pembangunan institusi pendidikan yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik demi kesejahteraan rakyat. Permohonan berhubung projek menaik taraf bangunan KV Labuan telahpun dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk pertimbangan bagi pelaksanaan tahun 2015 dan kelulusannya adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan negara.

Rjm47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HJ. SHEIKH
FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 20 MAC 2014

SOALAN :

YB. Dato' Abd. Aziz bin Hj. Sheikh Fadzir minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan Program *Volunteer Tourism* merupakan satu program pelancongan yang dapat mendekati kehidupan rakyat sesuatu kawasan. Apakah Kementerian bercadang untuk memperkembangkan program ini di peringkat lebih tinggi dan apakah langkah-langkah yang dapat diambil bagi menarik pelancong luar negara ke Malaysia terutamanya di kawasan luar bandar.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah memperkenalkan dan melaksanakan Program **1Malaysia Voluntourism** dimana program ini merupakan salah satu inisiatif dibawah **Strategi Lautan Biru Kebangsaan** atau **NBOS**. *Volunteer Tourism* atau *Voluntourism* ini secara umum bermaksud melaksanakan aktiviti sukarelawan secara santai bagi tujuan memelihara serta menjaga kebersihan dan kehijauan alam sekitar khususnya di kawasan pelancongan. Selain itu, ia juga merujuk kepada percutian yang disertai dengan penglibatan dalam aktiviti kesukarelawan yang mensasarkan penglibatan rakyat Malaysia dan juga pelancong asing. Ia merupakan salah satu usaha murni pihak kerajaan untuk menggalakkan penglibatan rakyat Malaysia dan pelancong asing dalam aktiviti kesukarelawan bagi bersama-sama membangunkan industri pelancongan negara khususnya dalam menyambut **Tahun Melawat Malaysia 2014**. *1Malaysia Voluntourism* terdiri daripada (5) program utama iaitu **1Malaysia Green, 1Malaysia Clean (1MG1MC), 1Malaysia Voluntutoring, 1Malaysia Volunsharing, 1Malaysia Culture and Heritage** dan **1Malaysia Event**.

Program-program Voluntourism ini juga lebih tertumpu di kawasan-kawasan tumpuan pelancong seperti pantai, taman, pusat rekreasi, pusat konservasi haiwan dan termasuk juga Homestay yang terletak di kawasan luar bandar. Penganjuran pelbagai program sukarelawan di kawasan luar bandar ini bukan sahaja dapat menggerakkan sukarelawan untuk

melaksanakan aktiviti berkaitan kebersihan dan kehijauan di tempat pelancongan, malah secara tidak langsung dapat meningkatkan kesedaran mereka untuk menghargai tempat-tempat pelancongan sedia ada di negara kita. Para sukarelawan ini dapat membantu menyampaikan maklumat tempat-tempat pelancongan yang mereka lawati ini kepada rakan-rakan serta komuniti masing-masing sama ada melalui lisan (*word of mouth*) mahupun perkongsian melalui media sosial.

Dalam usaha mempromosikan program Voluntourism ke peringkat yang lebih tinggi, KPK telah membangunkan Pakej Voluntourism yang telah dilancarkan pada 6 September 2013. Sebanyak 20 jenis pakej Voluntourism telah ditawarkan dan *booklet* pakej Voluntourism ini turut diedarkan di semua 44 buah Pejabat Pelancongan luar negara bagi tujuan promosi.

Selain daripada itu, Kementerian melalui Tourism Malaysia juga turut menyediakan pakej pelancongan homestay yang rata-rata terletak di kawasan perkampungan dan luar bandar. Bagi memberi nilai tambah kepada pakej homestay sedia ada, Kementerian turut membangunkan Pakej Pelancongan Keretapi yang melibatkan pengusaha Homestay di kawasan luar bandar sebagai tarikan utama pelancong luar negara ke Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]**

TARIKH : 12 MAC 2014 (RABU)

SOALAN : 3 (77)

Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh mana serius penyalahgunaan oleh rakyat negara ini terhadap kemudahan media sosial seperti Facebook dan bagaimana langkah menanganinya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan **YB Tanah Merah** pada **20 Mac 2014**, **YB Kuala Selangor** pada **2 April 2014**; **YB Kuala Kedah** pada **7 April 2014**; **YB Parit Buntar**, **YB Sekijang**, **YB Kangar**, **YB Kubang Kerian** pada **8 April 2014** kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu isu-isu berkaitan **penyalahgunaan media sosial dan kandungan internet**.

Kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa bekerjasama dengan agensi penguat kuasa

SOALAN NO: 3

yang lain dalam menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan media sosial dan penyalahgunaan internet. Ini kerana Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998 bukanlah satu-satunya undang-undang yang terpakai dalam menangani penyalahgunaan media sosial dan internet. Antara undang-undang lain yang terpakai adalah Akta Hasutan 1948, Akta Fitnah 1957, Kanun Keseksaan dan Akta Jenayah Komputer 1998 dan Enakmen Jenayah Syariah.

Dalam menangani penyalahgunaan internet, tindakan-tindakan yang diambil oleh SKMM bagi menangani masalah ini adalah dengan mengenal pasti jenis kesalahan yang telah dilakukan; mengenal pasti suspek untuk dibuat siasatan dan seterusnya dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk pendakwaan. Siasatan akan dilakukan secara kerjasama dengan agensi penguat kuasa yang lain seperti PDRM, JAKIM, Bank Negara Malaysia dan lain-lain mengikut jenis kes. Tempoh siasatan adalah bergantung kepada tahap kerumitan sesuatu kes.

Bagi tempoh Januari hingga Februari 2014, sejumlah 17 aduan telah diterima oleh SKMM, daripada jumlah tersebut sebanyak 4 kertas siasatan telah dibuka. Baki, 13 aduan telah diambil tindakan sama ada sekatan; melaporkan penyalahgunaan kepada pentadbir laman sesawang dan dirujuk kepada agensi penguatkuasaan yang lain.

Sehingga kini, sebanyak 20 kes telah didakwa di Mahkamah bagi kesalahan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998. Antaranya, suspek yang bertindak memaparkan komen yang bersifat jelik dalam blog terhadap DYMM Sultan Johor telah

SOALAN NO: 3

mengaku salah dan dijatuhi hukuman denda sebanyak RM10,000 di bawah Seksyen 233 (1) AKM98.

Kerajaan memandang serius isu penyalahgunaan internet dan beberapa langkah telah, sedang dan akan diambil. Antaranya keperluan mengkaji semula keberkesanan AKM 1998; memberikan taklimat terhadap agensi penguat kuasa dan Kempen Kesedaran Media Sosial yang dijalankan oleh Kerajaan termasuk secara bersama pihak swasta/syarikat pemberi perkhidmatan. Kempen ini bertujuan untuk mendidik pengguna-pengguna Internet mengenai penggunaan Internet secara positif melalui kawal selia sendiri (*self-regulate*).